


Jilid II
Bil. 13



Hari Isnin
15hb Disember, 1980

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 1661]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 1661]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 1662]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 1663]

Ucapan Takziah kepada keluarga Ailahyarhamah Y.B. Puan Hajjah Dasimah Dasir [Ruangan 1665]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 1664]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1665]

USUL-USUL:

Ucapan Tahniah dan Ikrar Taat Setia kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 1701]

Jawatankuasa Pemilihan—Perlantikan Ahli [Ruangan 1720]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 [Ruangan 1721]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ DATO HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).
- „ DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).

- Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR BIN MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

- Yang Berhoramt TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S.,
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Isnin, 15hb Disember, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

kan sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan kepada Ahli-ahli yang dilantik semula semoga mereka dapat terus berkhidmat dengan cemerlangnya.

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai
 Tan Sri Ismail Khan
 Tuan M. Mahalingam
 Tuan Ishak bin Abdul Manan
 Tuan Daim bin Zainuddin
 Tuan M. Muthu Palaniappan
 Tuan Tan Chong Soon
 Dato' Haji Mohd. Nor bin Mohamed
 Dato' G. Pasamanickam
 Tuan Ibrahim bin Salleh
 Puan Rogayah Ariff
 Tuan Yaacob bin Haji Engku Yunus
 Dato' Haji Ismail bin Hassan
 Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir
 Tuan Loh Kee Peng

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUA

MANGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dilantik dan dipilih itu dapat memberi-

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mem-persetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980;
2. Akta Penyelarasan Pencen 1980;
3. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980;
4. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan tahunan) 1980;
5. Akta Perbekalan Tambahan (1979) dan (1980) 1981;
6. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1980;
7. Akta Pencen (Pindaan) 1980;
8. Akta Kumpulanwang Persaraan Pihak-berkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1980;
9. Akta Kerja (Pindaan) 1980;
10. Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 1980;
11. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1980;
12. Akta Pemegang Amanah Raya (Pindaan) 1980; dan
13. Akta Notari Awam (Pindaan) 1980.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara memersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“12hb Disember, 1980.

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1981;
2. Rang Undang-undang Kewangan;
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980)
4. Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir;
5. Rang Undang-undang Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pemerbadanan (Kelayakan Pihak Berkuasa Perundangan Negeri) (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia;
13. Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2);
14. Rang Undang-undang Pemberian kepada Negeri (Penyenggaraan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan);
15. Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta;

16. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu;
17. Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Pindaan); dan
18. Rang Undang-undang Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pindaan).

Tandatangan:

Yang di-Pertua Dewan Rakyat.”

URUSAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiga di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1981;
2. Rang Undang-undang Kewangan;
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980);
4. Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir;
5. Rang Undang-undang Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pemerbadanan (Kelayakan Pihak Berkuasa Perundangan Negeri) (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Perbandaran Kemajuan Filem Nasional Malaysia;
13. Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2);
14. Rang Undang-undang Pemberian kepada Negeri (Penyenggaraan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan);
15. Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta;

16. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuan Bintulu;
17. Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Pindaan); dan
18. Rang Undang-undang Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA
KELUARGA ALLAHYARHAMAH
Y.B. PUAN HAJJAH DASIMAH DASIR**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan sedih saya maklumkan iaitu kita telah kehilangan seorang Ahli berikutan dengan kematian Allahyarhamah Yang Berhormat Puan Hajjah Dasimah Dasir pada 7hb Oktober, 1980 yang lalu. Pihak Parlimen telahpun mengutus kawat takziah kepada keluarganya pada 10hb Oktober, 1980.

Sekarang saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun bersama-sama saya bertaffakur selama seminit sebagai menghormati Allahyarhamah Yang Berhormat Puan Hajjah Dasimah Dasir dan bagi orang-orang yang beragama Islam diminta hadiahkan Fatimah seberapa yang ikhlas ke atas roh Allahyarhamah itu.

(Majlis bertaffakur selama satu minit dan yang beragama Islam menghadiahkan Fatimah)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PELAJARAN JAWI DI SEKOLAH-
SEKOLAH**

1. Tuan Abdulah bin Salleh minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak memberi peruntukan masa yang lebih bagi pengajaran Jawi di sekolah-sekolah supaya dapat dipertingkatkan lagi pelajaran itu tidak seperti hari ini di mana matapelajaran Jawi hanya merupakan sebahagian dari matapelajaran Bahasa Malaysia sahaja.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang memberi peruntukan masa yang lebih bagi pengajaran Jawi di sekolah-sekolah oleh sebab peruntukan masa yang disediakan sekarang adalah mencukupi.

Bagi tujuan mempertingkatkan lagi pengajian dan pembelajaran Jawi, Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) memberi latihan kepada guru-guru tentang cara-cara mengajar mata-pelajaran Jawi dengan lebih berkesan lagi.
- (ii) menyediakan lebih banyak bahan-bahan pelajaran sokongan yang dapat memberi lebih penguatan kepada murid-murid terhadap pembelajaran matapelajaran Jawi ini; dan
- (iii) menambah lagi pendedahan Jawi kepada murid-murid melalui pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tulisan Jawi perkataan bahasa Arab, bangsa Arab dalam dunia ini ada 200 juta orang, jadi yang menggunakan Jawi ini lebih daripada 300 juta orang. Tidakkah Kerajaan bercadang menjadikan tulisan Jawi satu matapelajaran pada masa akan datang?

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada cadangan untuk menjadikan tulisan Jawi ini sebagai satu matapelajaran oleh kerana kita memikirkan bahawa pendedahan kepada tulisan Jawi adalah mencukupi pada masa ini.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan guru-guru di sekolah kebangsaan tidak mengerti Jawi, jadi macam mana hendak disuruhkannya mereka mengajar Jawi kepada pelajar-pelajar yang baru. Pada masa yang lepas kebanyakannya mengajar Jawi dibebankan kepada guru-guru agama. Adakah dengan langkah baru yang dicadangkan oleh Kementerian Pelajaran ini bererti guru-guru kelas itu tidak boleh lari daripada tanggung-jawabnya, bukan sahaja guru agama yang mengajar Jawi tetapi guru-guru yang mengajar

Bahasa Malaysia itu mesti belajar Jawi dan mengajar kepada pelajar-pelajarnya. Adakah akan dibuat begitu atau tidak?

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, mana-mana guru yang didapati ada kemahiran dalam tulisan Jawi akan diminta supaya mengajarnya.

LLN KERUGIAN ATAS KENAIKAN HARGA MINYAK BAHANAPI

2. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada benar LLN rugi \$1 juta sehari;
- (b) sama ada kerugian ini di antara lain disebabkan oleh kenaikan harga minyak, ataupun ketidak-cekapan kakitangan LLN; dan
- (c) sama ada Kerajaan akan memberi peluang kepada syarikat-syarikat swasta untuk menjalankan perniagaan letrik supaya harga kuasa letrik tidak melambung tinggi.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk pertanyaan Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang benar LLN mengalami kerugian sebanyak lebih kurang \$1 juta sehari sejak bulan Januari sehingga akhir bulan November, 1980.
- (b) Kerugian ini semata-mata disebabkan oleh kenaikan harga minyak bahanapi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat LLN menggunakan lebih kurang 170,000 tan minyak bahanapi sebulan. Berbanding dengan akhir tahun 1979 apabila harga minyak bahanapi berada pada tahap \$280 se tan, LLN perlu membayar lebih kurang \$33 juta sebulan bagi membeli minyak bahanapi dengan harga sekarang, iaitu \$475 se tan.
- (c) Mengenai sama ada Kerajaan akan memberi peluang kepada sektor swasta untuk menjalankan perniagaan elektrik pula, suka saya menyatakan bahawa Kerajaan

telahpun mengeluarkan sebanyak tujuh puluh satu (71) buah lesen kepada syarikat-syarikat swasta untuk penjaan dan pembahagian kuasa elektrik. Kadar tarif yang dikenakan ke atas para-pengguna oleh syarikat-syarikat swasta ini adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan kadar tarif LLN. Di samping mengenakan kadar tarif yang lebih tinggi ke atas rakyat, syarikat-syarikat swasta ini juga memerlukan subsidi daripada Kerajaan. Oleh yang demikian nyatalah penjaan elektrik oleh pihak swasta tidak semestinya mengakibatkan harga kuasa elektrik itu menjadi lebih murah.

Di samping itu sejak tahun 1978 lagi, Kerajaan telah membenarkan syarikat-syarikat perindustrian yang besar menjana-kuasakan elektriknya sendiri untuk penggunaan operasinya sendiri. Sehingga hari ini tidak sebuah syarikat pun telah mula menjana kuasanya sendiri. Ini mungkin kerana kuasa elektrik yang diperolehi dari LLN itu dianggap lebih murah berbanding dengan penjaan sendiri.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya iaitu apa sebabnya di negeri kita ini sebuah daripada negeri yang cukup mahal harga kuasa elektriknya kalau kita hendak bandingkan—tidak usaha kata negeri Jepun sebab negeri Jepun ada subsidi dan sebagainya dan maju tetapi kalau kita tengok jiran-jiran kita, minyak dunia begini mahal, serupa juga dengan kita mengeluarkan banyak minyak, katalah 200,000 tong satu hari. Kenapa harga kuasa elektrik kita ini begitu melambung? Kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada hari akan datang—tidak lama lagi, kita akan mengadakan bukan sahaja kilang-kilang kecil tetapi kita hendakkan kilang yang berat-berat dan memakan kuasa yang banyak. Boleh atau tidak jikalau Kerajaan menimbangkan supaya harga kuasa elektrik ini diturunkan supaya dapat kita menampung lebih banyak lagi industri-industri yang berat-berat dalam negeri?

Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalnya barangkali boleh atau tidak LLN menurunkan kadar tarif untuk menarik industri masuk ke Malaysia. Ini ada satu soalan yang ke 26, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang baru kita ketahui LLN rugi \$1 juta sehari, \$365 juta setahun, \$3,650 juta sepuluh tahun dan kita boleh dzarab. Jadi saya hendak bertanya apa langkah yang akan dibuat oleh LLN mencari sumber lain sama ada daripada kuasa air atau kuasa matahari, sebab kita sekarang ini duduk di dalam negeri yang panas. Kalau ada sejauh mana langkah itu telah dibuat, kalau tidak, kenapa?

Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun yang lepas ini lebih banyak peratus pengeluaran elektrik adalah daripada bahan selain daripada minyak dan usaha ini akan diteruskan pada masa-masa hadapan ini dengan lebih giat lagi dan beberapa kajian sedang dibuat untuk menentukan bahan-bahan yang lain daripada sumber air pun sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan.

KERETAPI TANAH MELAYU— KESESAKAN PENUMPANG

3. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah kesesakan penumpang-penumpang Keretapi Tanah Melayu terutamanya pada musim perayaan atau cuti am.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, adalah disedari bahawa pada hari-hari biasa bilangan penumpang-penumpang yang menaiki Keretapi telah bertambah dan bagi menemui keperluan ini keretapi Tanah Melayu telah melancarkan satu perkhidmatan ekspres tetap antara bandaraya pada 1-3-1980 yang berlari di antara Kuala Lumpur-Singapura dan Kuala Lumpur-Butterworth.

Di musim-musim cuti perayaan atau cuti am apakala terdapat kesesakan penumpang-penumpang, K.T.M. telah mengadakan per-

khidmatan terin penumpang tambahan di samping mengukuhkan terin-terin penumpang yang ada dengan koc-koc tambahan setakat yang boleh bagi mengatasi masalah yang timbul sepanjang tempoh tersebut.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

- (a) Apakah langkah Kerajaan dengan kejadian kerosakan-kerosakan yang semakin menjadi-jadi di saat akhir-akhir ini sehingga tergendala penumpang-penumpang.
- (b) Selalu berlaku jualan tiket yang salah, tiket dibeli tempat tidak ada. Apakah langkah pihak yang berkenaan bertindak supaya jangan lagi berlaku perkara yang sedemikian.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang pertama, izinkan saya memberi tahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa di bawah soalan No. 22 hari ini masalah kegelinciran akan dibangkitkan.

Tentang soalan yang kedua ulasan Ahli Yang Berhormat itu tidak begitu specific, kalau ada kes-kes specific Kementerian boleh menyiasat.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Saya hendak tumpang tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan kegelinciran yang baru-baru ini berlaku, iaitu Keretapi Tanah Melayu ini pada hakikatnya adalah satu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini soalan lain.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tidak, berkenaan dengan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Lain kali.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Sedikit sahaja. Minta jawab sedikit. Saya hendak bertanya

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak dibenarkan.

PENGHIJRAHAN RAKYAT KE BANDAR

4. **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan pendirian Kerajaan terhadap isu penghijrahan rakyat luarbandar ke bandar dalam konteks pembangunan negara di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, penghijrahan rakyat luarbandar ke bandar di dalam konteks pembangunan negara adalah satu fenomena pembangunan yang wajar dari segi tujuan untuk menyusun semula masyarakat, untuk mengurangkan jurang perbezaan taraf ekonomi antara wilayah dan juga untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat luarbandar. Perkara ini berlaku bukan sahaja di negara kita tetapi juga di negara-negara lain termasuk di negara-negara yang sudah maju. Walau bagaimanapun, penghijrahan rakyat secara beramai-ramai ke kawasan-kawasan bandar boleh juga mengakibatkan beberapa masalah socio-ekonomi umpamanya perkembangan kawasan-kawasan setinggan, pengangguran dan sebagainya. Di samping itu, penghijrahan rakyat luarbandar ke bandar secara besar-besaran telah juga menyebabkan kekurangan tenaga pekerja di kawasan pertanian dan kawasan pembangunan luarbandar. Keadaan ini telah sedikit sebanyak menjejaskan usaha-usaha Kerajaan untuk memperkuatkan lagi rancangan-rancangan pembangunan luarbandar.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah, sedang dan akan terus mempergiatkan segala usaha untuk mengurangkan perbezaan ekonomi antara rakyat di bandar dan di luarbandar, serta menambahkan peluang-peluang pekerjaan di luarbandar, memajukan keadaan socio-ekonomi serta memperbaiki taraf hidup penduduk-penduduk luarbandar. Usaha-usaha gigih Kerajaan yang meliputi program pembangunan setempat seperti sekim penempatan, pembangunan wilayah, rancangan belia peladang, gerak tani, projek penanaman semula, penanaman selingan, sekim bantuan subsidi dan lain-lain lagi adalah dijalankan untuk mencapai matlamat tersebut. Dengan demikian diharapkan bahawa kadar penghijrahan rakyat dari luarbandar ke bandar akan dapat dikurangkan supaya ia

tidak menjejaskan usaha-usaha kemajuan di kawasan-kawasan luarbandar. Seajar dengan Dasar Ekonomi Baru pembangunan juga akan ditumpukan di luar-luar bandar untuk menambahkan lagi pengeluaran negara seperti memodenkan sektor pertanian dan perikanan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Saya sangat seronok mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi tetapi adakah beliau sedar bahawa di kampung-kampung sekarang sudah kekurangan pemuda dan wanita, hanya yang tinggal kebanyakan orang tua-tua sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut adalah benar akibatnya sawah hampir berjuta ekar dalam Malaysia telah ditinggalkan. Bukan itu sahaja, kebun-kebun kecil juga terbiar tidak ada yang menoreh getah akibat penghijrahan pemuda dan wanita kita menuju ke bandar. Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri gejala seperti ini adakah hendak ditunggu lagi sampai kita hendak buat usaha, misalnya memajukan kampung-kampung seperti kata Yang Berhormat Menteri, tetapi saya tidak nampak ketegasan sekarang membuat analisa yang menyeluruh supaya penghijrahan ini dapat diberhentikan seberapa segera bagi kebaikan di kampung dan di desa, sebab di kampung sekarang kosong, kalau pihak komunis datang pun susah, orang tua hendak melawan bagaimana. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat membuat satu penegasan bagaimana mengatasi serta merta supaya penghijrahan ini tidak lagi berlaku seperti yang demikian.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi Kerajaan sedar dan ini ialah atas penyelidikan yang telah kita jalankan, walau bagaimanapun seperti jua saya katakan tadi perkara ini tidak dapat dielakkan memandangkan keadaan perkembangan ekonomi yang begitu lancar di bandar-bandar. Walau bagaimanapun seperti yang saya jelaskan sebentar tadi Kerajaan berbuat sedaya upaya untuk menambahkan pembangunan, memberikan kemudahan-kemudahan di luar bandar supaya belia-belia kita dapat tinggal di luar bandar dan mengusahakan kegiatan pembangunan di luar bandar. Saya rasa ini sahajalah yang dapat kita buat setakat ini.

kerana apa juga yang kita buat adalah ter-
pulang kepada belia-belia itu sendiri, apa yang
dibuat oleh Kerajaan ialah semata-mata untuk
menyediakan kemudahan-kemudahan, infras-
trukur, kemudahan-kemudahan yang diperlu-
kan oleh belia-belia kita di luar bandar.

BALAI POLIS BALIK PULAU— KEKURANGAN ANGGOTA

5. Tuan Oh Siew Aun minta Menteri Hal
Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada
beliau sedar bahawa Balai Polis, Balik Pulau
Pulau Pinang sedang menghadapi masalah
kekurangan anggota polis, jika ya, bilakah
masalah ini dapat diselesaikan dan apakah
tindakan Kerajaan untuk menjamin bahawa
tindakan pantas dan segera dapat diambil
oleh pihak polis apabila menerima permintaan
pertolongan dari orang ramai.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang
di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Ber-
hormat, memandang kepada keselamatan se-
masa dan kemungkinan perkembangan masa
hadapan Pasukan Polis Di Raja Malaysia
adalah di dalam proses pembesaran dan proses
ini dibuat secara berperingkat-peringkat.
Kajian untuk menambah anggota-anggota
polis di beberapa buah negeri telah dijalankan
dan penambahan tersebut sedang dilaksana-
kan.

Bagi Negeri Pulau Pinang termasuk bagi
Balai Polis Balik Pulau, kajian akan diadakan
pada pertengahan tahun 1981.

TANAH PERTANIAN TERBIAR

6. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri
Pertanian menyatakan bagaimana beliau ber-
cadang hendak mengusahakan sejumlah
45,000 ekar tanah yang terbiar (idle land) bagi
tujuan-tujuan pertanian.

**Menteri Pertanian (Datuk Abdul Manan
bin Osman):** Tuan Yang di-Pertua, saya
kurang pasti dimanakah kawasan yang di-
maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu
seluas 45,000 ekar yang masih belum dibuka
untuk tujuan-tujuan pertanian. Walau bagaimanapun,
Kementerian Pertanian sedang mengkaji
untuk merancang program-program
secara terperinci bagi memulihkan tanah-
tanah terbiar di seluruh negara.

PEKERJA MAHIR/SEPARUH MAHIR— KEKURANGAN

7. Tuan M. Mahalingam minta Menteri
Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan
langkah-langkah yang telah diambil untuk
memperbaiki kekurangan pekerja-pekerja
mahir dan separuh mahir dalam industri
pembinaan dan sama ada kemudahan akan
diberi kepada pemuda-pemuda yang berhijrah
daripada sektor estate ke kawasan bandar

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga
Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien):**
Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Ber-
hormat Mulia Menteri Kewangan mem-
bentangkan Belanjawan tahun 1981 di Dewan
Rakyat pada 17hb Oktober, 1980 beliau telah
memberitahu bahawa di bawah program
latihan dibidang binaan bagi tahun 1981,
Institusi Latihan Perindustrian Kementerian
Buruh dan Tenaga Rakyat akan melatih se-
ramai 440 orang pelatih di dalam kursus-
kursus seperti menyusun batu-batu dan
menyimen (bricklaying and plastering),
pertukangan kayu, pemasangan paip dan
seni perusahaan. Di samping itu MARA juga
akan menjalankan kursus bagi kira-kira 420
orang pada pelatih. Kursus-kursus ini adalah
dirangka bagi bakal-bakal pekerja di bidang
binaan dan mereka yang berminat di dalam
perusahaan binaan dan bangunan.

Sebagai langkah jangka pendek bagi menge-
luarkan tenaga mahir dalam industri
pembinaan Kerajaan telah meluluskan satu
program khas melatih pekerja-pekerja di
tempat mereka bekerja selama 3 bulan yang
akan dikendalikan oleh pemaaju atau
kontrektor pembinaan. Adalah diharapkan di
bawah program latihan khas ini seramai kira-
kira 2,000 pekerja di dalam sektor pembinaan
akan dapat dilatih bagi tiap-tiap tahun.

Bagi Rancangan Jangka Panjang Kerajaan,
Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat
telah pun mengambil tindakan untuk menu-
buhkan lima buah lagi Instituti Perindustrian
dalam Rancangan Malaysia Keempat iaitu di
Alor Setar, Ipoh, Kota Bharu, Kuantan dan
Melaka di samping tiga buah Instituti Latihan
Perindustrian yang telah diluluskan projeknya
dalam Rancangan Malaysia Ketiga iaitu di
Kuala Trengganu, Johor Bahru dan Labuan,
Sabah. Kesemua Instituti Latihan Perindus-
trian yang sedang dibina dan akan dibina
nanti akan menyediakan kursus-kursus di
dalam bidang-bidang binaan.

Kebanyakan beliau-beliau yang dilantik dalam bidang ini terdiri dari beliau-belia luar-bandar. Adalah menjadi tujuan Kerajaan supaya beliau-belia pada satu masa kelak akan kembali ke daerah-daerah luar bandar bagi membantu melaksanakan rancangan pembangunan Kerajaan yang sebahagian besarnya adalah bagi rakyat di luar bandar juga.

PERDANA MENTERI—LAWATAN KE CHINA

8. Tuan S. I. Rajah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan pergi ke Negeri China dalam masa yang tidak berapa lama ini berikutan dengan lawatan Perdana Menteri Thai, Prem untuk mencari jalan menyelesaikan masalah Kampuchea.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, benarlah Perdana Menteri Thai telah membuat lawatan ke negara China baru-baru ini. Apa yang telah pun diberitahu kepada saya isu-isu untuk mencari penyelesaian politik Kampuchea adalah satu-satunya yang dibincangkan di antara Pemimpin Thai dengan Pemimpin-pemimpin rakyat China.

Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri sendiri telah pun membuat lawatan ke negara China pada 2hb-9hb Mei, 1979.

Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri tidak bercadang untuk melawat negara itu dalam masa yang singkat akan datang. Walau bagaimanapun Malaysia akan sentiasa berusaha untuk mencari penyelesaian politik dan perdamaian di atas masalah di Kampuchea ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya berkenaan dengan lawatan, misalnya lawatan Perdana Menteri Thai, begitu juga lawatan Perdana Menteri kita ke China. Adakah negeri China juga interested party terhadap Kampuchea? Saya ka'akan interested party terhadap Kampuchea disebabkan negeri China ada China Merah (Red China) dan China putih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak benar.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Baiklah, satu China sahaja iaitu Red China, jadi dia menyokong Pol Pot oleh kerana itu-

lah Russia masuk ke Vietnam sebab balance of power di antara Russia dengan Negeri China. Mereka ini juga berkehendakkan South East Asia. Bila Vietnam jatuh mereka fikir Kampuchea juga jatuh. Dengan sebab itu, China berkehendakkan Kampuchea, Thailand dan Malaysia. Oleh sebab itu, saya fikir tidak guna berunding dengan China atau dengan Russia untuk menyelesaikan perkara ini dan ini mestilah diselesaikan oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat sedia maklum di dalam persengketaan Kampuchea itu adalah jelas yang mana resolusi bersabit dengan Kampuchea ini telahpun diputuskan dan undi diambil di Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun ini iaitu kita telah mengatakan perlu untuk mengadakan penyelesaian politik ini iaitu pihak berkenaan parties concerned, parties involved perlu dibicarakan dan dibincangkan untuk mencari jalan urusan politik di Kampuchea ini. Ini adalah satu pandangan yang boleh dikatakan disokong ramai oleh Ahli-ahli di Bangsa-bangsa Bersatu dan masalah definisi siapakah parti yang berkenaan itu adalah perkara yang perlu dibincangkan untuk mencarikan penyelesaian perundingan sebelum kita mengatakan conference anlarabangsa bersabit dengan Kampuchea.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, masalah Kampuchea adalah satu masalah yang paling rumit juga di Asia khususnya kepada negara kita. Jadi saya suka bertanya masalah ini. Yang pertama, saya merasa terlalu umum sebab mengikut Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri mengatakan masalah Kampuchea hendaklah diselesaikan oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan telah dibawa ke Bangsa-bangsa Bersatu, tetapi berbangkit dengan lawatan ke China baru-baru ini dan lawatan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ke Amerika, ke England, ke India dan hendak berjumpa dengan Perdana Menteri Thailand. Apakah sebab-musabab yang berbangkit lagi gelora pergi ke negeri China hendak berjumpa dengan Kerajaan yang macam ini. Tidakkah kita dipandang oleh dunia berat sebelah iaitu pro-Amerika? Bukankah dasar luar kita tegas, kita berkecuali dan tidak pro-Amerika atau pro-komunis. Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua,

kita kadangkala bersikap neutral, kadangkala kita menunjukkan kepada dunia berat sebelah. Malaysia menjadi satu negeri yang dikata orang sebagai mengikut sahaja yang tidak boleh dipegang ketegasannya.

Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri, adakah kita tegas atau tidak, pendirian kita tetap dan tidak condong kepada mana-mana dan kita tidak meminta pertolongan pada kuasa-kuasa besar yang berlain-lain corak, kita hendaklah tetap dan tegas memperjuangkan Asian sebagaimana yang dipegang oleh Asian sendiri.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menyatakan Malaysia tentu tetap dan tegas di atas pendiriannya. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum dasar luar negara kita ialah non-alignment. Lawatan-lawatan yang kita sering lakukan adalah sebagai bilateral, kadang-kadang kita membuat lawatan bukan sahaja kepada negara-negara yang berpihak-pihak, bahkan kita membuat lawatan-lawatan kepada semua golongan, semua pihak negara-negara, baikpun negara satu pihak ataupun negara yang lain. Jadi saya sukalah menjelaskan kepada Dewan ini iaitu dasar kita ialah non-alignment dan kita tidak berpihak-pihak. Ini di atas interpretasi tiap-tiap orang tentang lawatan kita yang dibuat ke semua negara-negara yang kita fikir bersahabat dengan kita. Kita perlulah mengadakan lawatan-lawatan ini dari satu masa ke satu masa untuk menunjukkan kepada negara-negara ataupun kepada dunia keseluruhannya iaitu kita ialah berkecuali (non-alignment).

BOT JENIS PZ

9. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa buah bot laju bot laju jenis PZ yang telah, sedang dan akan ditempah oleh Kerajaan bagi Pulau Pinang dan nyatakan juga.

- (a) jumlah bot jenis ini yang akan ditempatkan bagi mengawal perairan Langkawi; dan
- (b) jika tidak ada, nyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini terdapat sebuah Kapal

Ronda Polis jenis PZ yang ditempatkan di Pulau Pinang untuk mengawal perairan di sebelah utara termasuklah perairan Pulau Langkawi. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menambah jumlah Kapal Ronda jenis ini di Pulau Pinang dan Kerajaan juga tidak bercadang untuk menempatkannya di Pulau Langkawi.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Kapal Ronda jenis ini bukanlah dikhaskan untuk mengawal kawasan-kawasan perairan tertentu sahaja, tetapi ditugaskan mengawal seluruh kawasan di samping kapal-kapal lain di perairan negara mengikut keperluan keselamatan dari masa ke semasa.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Saya kurang jelas apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang dikehendaki dengan kawalan oleh kapal tadi itu kawalan tentang apa? Saya banyak mendengar di dalam Dewan ini Kerajaan mengadakan Kapal-kapal Ronda dan sebagainya untuk mengawal perairan kita sedangkan yang kita dapati pada masa sekarang ini yang menjadi mangsanya ialah nelayan-nelayan kita, nelayan-nelayan dice-robohi oleh musuh-musuh. Adakah dengan adanya kapal ini untuk mengawal musuh ataupun kerana hendak mengawal serangan dari luar terhadap Malaysia ataupun kalau sekiranya kapal-kapal nelayan asing yang mencero bohi perairan kita juga dikawalinya. Saya harap mendapat penjelasan adakah Kapal Jenis PZ ini kalau ditambah pun tugasnya untuk mengawal perairan kita daripada musuh sahaja ataupun daripada segala ancaman yang akan menimpa rakyat kita termasuk nelayan-nelayan kita.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kawalan-kawalan termasuk semua jenis kawalan ke atas ancaman keselamatan diperairan negara kita. Oleh kerana soalan ini tertumpu kepada Pulau Langkawi maka eloklah saya katakan disini sejak adanya kawalan-kawalan maka jenayah-jenayah di dalam kawasan perairan Pulau Langkawi sudah berkurangan. Umpamanya, pada tahun 1978 ada 14 rompakan, pada tahun 1979 menjadi 11 dan pada tahun ini hanya 5 rompakan sahaja.

Kawalan-kawalan yang lain yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dibuat bukan menggunakan kapal jenis PZ sahaja, kita mempunyai jenis kapal lain, umpamanya, di Pulau Pinang yang mengawal kawasan termasuk Pulau Langkawi kita ada PZ sebuah, PX 7 buah, PA 14 buah, PC 11 buah, PSC 13 buah, PCR 12 buah. Dengan adanya kawalan ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Pulau Pinang tidak ada rompakan akhir-akhir ini.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya adakah tangkapan-tangkapan hanya daripada perompak-perompak sahaja atau adakah sudah dapat menangkap subversif komunis yang menyelur ke dalam negeri kita daripada pantai Langkawi.

Tuan Sanusi bin Junid: Kita tidak ada apa-apa laporan dan kita tidak ada membuat apa-apa penangkapan di perairan Pulau Langkawi berkaitan dengan orang-orang yang ada hubungan dengan komunis.

RINGGIT MALAYSIA DIPALSUKAN

10. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Mata Wang Ringgit Malaysia yang bernilai \$10 dan \$50 begitu mudah dipalsukan; dan jika sedar nyatakan:

- (a) jumlah wang palsu yang telah diedarkan;
- (b) sebab-sebab pengedarannya didapati di Hongkong dan di Filipina sahaja; dan
- (c) tindakan Bank Negara untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa terdapat matawang Ringgit Malaysia yang bernilai \$10 dan \$50 dipalsukan. Sungguhpun begitu, saya tidak bersetuju dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa matawang tersebut begitu mudah dipalsukan. Bank Negara Malaysia yang bertanggungjawab mengeluarkan matawang kita sentiasa memastikan supaya ianya mempunyai ciri-ciri keselamatan yang sukar untuk dipalsukan. Seterusnya suka saya menyatakan bahawa masalah pemalsuan matawang bukan sahaja dihadapi oleh negara kita, tetapi juga oleh kebanyakan negara-negara lain.

(a) Mengenai jumlah wang palsu yang diedarkan, sehingga 6hb Disember, tahun ini sebanyak 4,710 keping wang palsu \$10 dan 3,136 keping wang palsu \$50 telah dapat dikesan di Malaysia. Jumlah ini amatlah kecil jika dibandingkan dengan 76 juta keping wang kertas \$10 dan 48 juta keping wang kertas \$50 yang ada dalam edaran sekarang.

(b) Adalah tidak benar bahawa wang kertas palsu Malaysia hanya diedarkan di Hong Kong dan Filipina sahaja. Kemungkinan adanya wang-wang palsu dalam edaran akan sentiasa wujud di mana-mana negeri pun selagi ada penjenayah-penjenayah. Keadaan ini bukanlah terhad kepada matawang negara kita.

(c) Bagi mengatasi masalah ini, Bank Negara telah mengambil langkah-langkah sewajarnya. Antara langkah-langkah tersebut ialah meninggikan lagi mutu wang kertas dengan cara memasukkan ciri imej pendam iaitu satu ciri keselamatan paling terbaharu dalam usaha mencegah pemalsuan. Di samping itu, semua kes-kes pemalsuan akan diserahkan kepada polis dan Bank Negara Malaysia sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya dalam penyiasatan mereka.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita dapat ketahui banyak wang palsu telah dijalankan dalam negara ini, tetapi saya hendak tahu adakah dapat dikesan sindiket yang memalsukan itu ditangkap dan berapa jumlah sindiket itu dikemukakan ke mahkamah. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan selain daripada menerangkan kepalsuan duit tadi.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya menjawab tadi Bank Negara Malaysia sebagai badan yang bertanggungjawab di atas pengedaran wang-wang ini memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak polis iaitu pihak yang bertanggungjawab di atas penyiasatan dan kepalsuan wang-wang ringgit kita dan melalui kerjasama kedua-dua pihak, insya Allah penjenayah-penjenayah yang dimaksudkan itu akan dapat diberkas.

Dato Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kewangan hendak menukar warna wang yang ada sekarang ini kepada satu warna yang lebih menarik, barangkali dengan itu tidak dapat ditiru atau dipalsukan sebagaimana yang berlaku sekarang?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah berani memberi jaminan bahawa warna wang ringgit yang akan dikeluarkan akan dapat ditukarkan untuk dapat memuaskan selera tentang soal warna. Walau bagaimanapun, Bank Negara telahpun menyediakan garis-garis panduan untuk mereka wang ringgit yang baru dan soal keselamatan wang ringgit kita akan diambil kira di dalam penyediaan garis-garis panduan tersebut.

PEKELILING PERBENDAHARAAN NO. 7 1980

11. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar bahawa Perbendaharaan telah mengeluarkan surat Pekeliling Perbendaharaan No. 7 Tahun 1980 bertarikh 6hb April, 1980 dengan tujuan hendak menolong dan membantu para pemborong khususnya pemborong Bumiputra dalam usaha menayakan projek-projek perumahan Kerajaan; jika benar, nyatakan negeri-negeri yang sudah mematuhi dan yang belum mematuhi arahan Pekeliling tersebut.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa pihak Kementerian Kewangan telahpun mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1980 bertarikh 6hb April, 1980. Tajuk Surat Pekeliling ini adalah mengenai "Pelaksanaan syarat-syarat perubahan harga di dalam kontrak-kontrak binaan bangunan". Surat Pekeliling ini bukanlah khusus bagi projek-projek perumahan Kerajaan sahaja, tetapi meliputi semua kontrak-kontrak bangunan Kerajaan.

Dukacita tidak dapat dinyatakan di sini negeri-negeri yang sudah mematuhi dan yang belum mematuhi arahan Surat Pekeliling ini. Pada khususnya, nisbah kenaikan harga ini ialah bagi kontrak-kontrak yang dikendalikan dan dibiayai oleh Kerajaan Pusat termasuk juga projek-projek yang dikendalikan oleh Badan-badan Berkanun Kerajaan Pusat.

Kerajaan Negeri adalah digalakkan untuk menggunakan nisbah kenaikan harga bagi projek-projek yang dibiayai oleh negeri-negeri berkenaan.

PENJAJA BERLESEN DI KUALA LUMPUR

12. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) jumlah penjaja yang berlesen di Kuala Lumpur pada masa sekarang;
- (b) dari jumlah orang yang memohon lesen untuk menjalankan perniagaan sebagai penjaja pada tahun 1980, berapa mendapat kelulusan dan berapa ditolak; dan
- (c) apakah rancangan-rancangan untuk memberi lebih peluang kepada orang-orang yang ingin menjadi penjaja di Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, jumlah penjaja mengikut semua jenis perniagaan yang berlesen di Kuala Lumpur pada masa sekarang ini adalah 16,043 penjaja yang terbahagi kepada 3 jenis iaitu penjaja dalam bangunan tetap, penjaja di luar bangunan dan penjaja bergerak.

Sehingga bulan Oktober 1980 ini sebanyak 1,978 permohonan lesen untuk berbagai jenis perniagaan telah diterima yang mana 682 permohonan telah diluluskan dan 549 ditolak. Baki permohonan sebanyak 747 yang lain masih lagi diproseskan seperti memanggil pemohon untuk ditemuduga.

Selain dari itu Dewan Bandaraya juga ada mengeluarkan lesen-lesen perniagaan penjaja sementara secara serta merta (on the spot) tanpa pemohon dikehendaki membuat permohonan, umpamanya, sehingga bulan November sebanyak 1,061 lesen sementara dikeluarkan bagi penjualan barang semasa musim perayaan, musim buah-buahan dan sebagainya. Kerajaan sedar Kuala Lumpur sebagai pusat perdagangan dan ekonomi negara akan menarik lebih ramai orang mencari rezeki dan pendapatan di ibukota ini terutama

di bidang perniagaan dan penjajaan. Oleh yang demikian, Kerajaan senantiasa merancang serta membuka lebih banyak peluang-peluang untuk peniaga-peniaga kecil menjalankan perniagaan di ibukota ini. Umpamanya, beberapa pusat-pusat perniagaan telah dan akan dibina khas untuk penjaja-penjaja berniaga seperti pusat perniagaan besar di pekan baru, kompleks Perniagaan Munshi Abdullah, gerai-gerai makan di Jalan Sultan Mohammad, Jalan Duta dan Kampung Konggo, pusat perniagaan kecil pasar di Salak South, pusat perniagaan besar pekan Sungai Besi.

Selain dari itu di mana yang boleh tempat-tempat yang masih terdapat tanah-tanah lapang, lorong-lorong belakang, padang letak kereta dan sebagainya yang sesuai, Dewan Bandaraya akan membenarkan penjaja-penjaja kecil menjalankan perniagaan. Dewan Bandaraya juga sedang menimbangkan supaya setiap kompleks perniagaan di Kuala Lumpur mengkhaskan tempat tingkat-tingkat yang tertentu untuk penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil berniaga di kompleks-kompleks tersebut.

Langkah-langkah ini diambil untuk memberikan lebih peluang kepada mereka yang ingin menjaja di bandaraya Kuala Lumpur ini. Walau bagaimanapun, perniagaan ini adalah dikawal secara teratur supaya tidak begitu bercanggah dengan kepentingan-kepentingan Bandaraya yang lain seperti kebersihan, lalu-lintas keindahan dan lain-lain.

SINDIKET MENIPU BAKAL HAJI

13. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang adanya sindiket menipu bakal-bakal haji pada tahun ini. Jika ya, nyatakan langkah-langkah yang telah di ambil dan apakah langkah-langkah lain untuk mengatasi perkara ini supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Menteri Tak Bertfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini pihak polis tiada menerima apa-apa laporan mengenai sindiket berhubung dengan kes penipuan bakal-bakal Haji pada tahun ini.

Walaupun bagaimanapun, pihak polis telah menjalankan siasatan dan berpuas hati bahawa kejadian penipuan bakal-bakal Haji yang berlaku di negeri Kelantan mengikut berita di dalam akhbar-akhbar tempatan pada 19-9-80 dan 11-9-80 adalah tidak benar.

Adapun langkah-langkah untuk mengelakkan daripada terjadinya perkara ini lagi sementara ini Lembaga Urusan dan Tabung Haji membuat usaha-usaha untuk mengelakkan sebarang penipuan kepada bakal-bakal Haji seperti berikut:

- (1) Menjalankan penerangan yang menyeluruh khasnya di kawasan-kawasan luar bandar di Kelantan dan amnya di seluruh Malaysia memberitahu bakal-bakal Haji supaya mereka menunaikan fardu Haji melalui anjuran Lembaga Urusan dan Tabung Haji sahaja.
- (2) Mengambil tindakan mahkamah mengikut kehendak seksyen 62 (a) di bawah Akta A168, Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan) Tahun 1973 terhadap seorang atau sesuatu kumpulan orang yang sama diperbadankan atau tidak.
- (3) Mengiklankan bahawa ia adalah menjalankan atau membuat urusan mengatur perjalanan udara ke Jeddah atau Mekah bagi maksud menunaikan Haji ke Hijaz atau terus membuat kenyataan yang sedemikian di dalam suatu kepala bil-bil atau surat-surat kertas atau notis atau dengan apa-apa cara lain, atau membuat urusan mengatur perjalanan udara ke Jeddah atau Mekah bagi maksud menunaikan Haji ke Jeddah.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Saya tumpang bertanya lagi. Biasanya kalau sekiranya perkara itu tidak benar berlaku di dalam suratkhbar dan perkara itu menjadi berita di dalam suratkhbar, sepatutnya perkara itu dinafikan, dimasukkan berita penafiannya dalam suratkhbar juga. Tetapi tidak perkara yang berlaku berkenaan dengan Tabung Haji. Saya beri tahniah kepada Tabung Haji dengan sebab langkahnya yang baik itu tetapi sengaja nampaknya pihak Tabung Haji ini diconteng dengan nama yang tidak baik dengan terbit sindiket-sindiket yang dikatakan tadi.

Yang kedua, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Seksyen 62 (a) hendak mendakwa kepada orang-orang yang melakukan itu. Perkara ini kita biasa dengar dalam Dewan ini hendak mendakwa sahaja, tetapi penipuan atau perkara yang tidak betul itu berlaku tiap-tiap tahun dan orang yang kena tipu itu tiap-tiap tahun ada dan ditolong oleh Tabung Haji masa berada di Mekah. Dengan baik hati Tabung Haji menolong mereka, tetapi orang yang menipu itu tidak juga didakwa. Saya harap macam mana perkara ini berlaku, baik hati pihak Kerajaan yang pertama penipupenipu itu tidak didakwa di bawah Fasal 62 (a) sebagaimana yang tercatat di bawah undang-undang. Kedua, perkara ini yang dikatakan tidak betul tidak dimasukkan di dalam surat-khabar sebagai mendustakan berita itu.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, masalah atau kes penipuan yang seumpama ini pihak Tabung Haji sematamata bergantung kepada penyiasatan polis kerana polislah yang lebih matang dalam soal menyiasat satu-satu kes penipuan. Kalau kes itu tidak benar kita tidak dapatlah menjalankan tindakan undang-undang di bawah undang-undang yang saya sebutkan tadi.

Berkenaan dengan Tabung Haji tidak mengisytiharkan bila didapati kes ini tidak benar, ini saya rasa tidak perlu disiarkan.

KEBAKARAN DI BANGUNAN LAMA BANK BUMIPUTRA/KOMPLEKS CAMPBELL

14. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa memandangkan kepada kurang berkesannya perkhidmatan bomba memadam api sebagai yang dibuktikan semasa kebakaran yang berlaku di Bangunan Lama Bank Bumiputra, apakah cadangan-cadangan telah dibuat selepas kajian kebakaran Kompleks Campbell dan sama ada cadangan-cadangan itu dilaksanakan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, operasi memadamkan kebakaran di Bangunan Lama Bank Bumiputra baru-baru ini adalah berkesan sungguhpun anggota-anggota bomba menghadapi beberapa kesukaran dan rintangan yang ada di dalam bangunan itu sendiri.

Beberapa bahagian bangunan tersebut telah dapat diselamatkan.

Berhubung dengan cadangan-cadangan yang telah dibuat selepas kebakaran di Campbell Complex itu, sukacita saya memaklumkan bahawa beberapa tindakan sewajarnya telah diambil di antaranya ialah seperti berikut:

1. Meningkatkan mutu Jabatan Bomba dengan menambahkan bilangan anggotanya;
2. Membekalkan kereta bomba yang moden;
3. Menghantar pegawai-pegawai ke seberang laut untuk mendapat latihan;
4. Menguatkan lagi Undang-undang Pencegahan kebakaran di Bangunan-bangunan;
5. Berusaha mendapat kerjasama daripada orang ramai dengan menubuhkan Pasukan Bomba Sukarela;
6. Menambah balai-balai bomba di tempat-tempat yang sesak.
7. Memperkukuhkan lagi sistem mencegah kebakaran di bangunan-bangunan menerusi urusan pelesenan proses-proses dan penyimpanan bahan-bahan merbahaya dan sedang memikirkan satu cara "Upgrading" bangunan-bangunan dan kilang-kilang lama yang sudah meningkat taraf bahaya kehendak-kehendak mencegah kebakaran di bangunan-bangunan baru adalah tertakluk kepada undang-undang kecil bangunan 1976 yang mana adalah di anggap boleh menjaga kepentingan orang ramai jika dipatuhi sepenuhnya.

Dato Sulaiman Ninam Shah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bagaimana dalam akhbar Ketua Bomba Selangor ini selepas kebakaran Bank Bumiputra memarahkan lagi api. Adakah benar kerajaan pada masa akan datang kerana negeri kita sudah moden sudah cukup maju tidak mahu menggunakan helikopter, mengikut kenyataan Ketua Bomba Selangor dalam akhbar kerana negeri-negeri lain di dunia ini menggunakan helikopter dan sekiranya kalau tiada helikopter pada hari itu menyelamatkan kakitangan Bank Bumiputra, saya ingat lebih banyak lagi yang terkorban. Sebab itu saya hendak tahu adakah jawapan yang diisytiharkan di surat khabar itu satu jawapan yang tepat mengikut dasar Kerajaan?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang inipun ada satu persefahaman di antara Pasukan Bomba dan pihak TUDM di mana pihak Bomba boleh memanggil pertolongan helikopter daripada TUDM untuk mengatasi kebakaran bangunan-bangunan tinggi pada bila-bila masa yang perlu. Dengan yang demikian jelas bahawa Pasukan Bomba kita memerlukan perkhidmatan helikopter pada masa dan keadaan-keadaan yang diperlukan. Tetapi pada masa sekarang ini Pasukan Bomba kita masih belum lagi mempunyai satu unit helikopternya sendiri. Oleh sebab itu satu persefahaman dengan pihak TUDM untuk mendapat bantuan dari TUDM telah diadakan.

Untuk masa-masa yang akan datang, ini terpolang kepada keperluan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga satu Jawatankuasa untuk mengkaji perkara ini telah ditubuhkan oleh kerajaan sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini dan syor-syor daripada Jawatankuasa ini sudah tentu akan diberi perhatian dan dilaksanakan oleh Kerajaan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya. Tetapi sebelum saya bertanya, saya hendak bercakap sedikit iaitu kita lihat dua kali kebakaran yang besar sekali, satu di Campbell Complex, kita lihat daripada Parlimen malam itu kita lihat api, pihak bomba tidak dapat berbuat apa-apa. Lihat sahaja biar dia habis terbakar sama sekali. Kedua, Bank Bumiputra begitu juga kalau tiada helikopter itu datang lekas barangkali beratus-ratus orang akan habis matiterbakar. Banyak pula kilang-kilang yang seperti itu, terutamanya kilang-kilang di Old Klang Road, habis terbakar begitu tidak dapat diselamatkan langsung, oleh kerana hydrantnya pun mereka tidak tahu di mana. Masa itu baru hendak dicari hydrant, tiada ditandakan di mana hydrant.

Bolehkah pada masa akan datang jikalau hendak membuat rumah di tepi laut atau sungai mestilah disediakan sampan dan sebagainya. Kalau hendak membuat rumah tinggi melangit mestilah ada tangga atau pemancut-pemancut ke atas ataupun apa sahaja untuk menyelamatkan bangunan dan orang ramai

dan juga mestilah tahu di mana tempat hydrant yang tertentu. Boleh atau tidak tiap-tiap hari Pasukan Bomba ini pergi berkeliling melihat hydrant ini ada atau tidak?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada berlaku di mana pili-pili bomba ini tidak berfungsi dengan betul waktu diperlukan. Ini berlakunya dengan sebab perubahan-perubahan dan kerja-kerja pembinaan yang berlaku dengan pesatnya dari masa ke semasa. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu untuk mengatasi masalah ini pada masa akan datang pihak Pasukan Bomba akan sentiasa meneliti supaya semua pili-pili bomba yang disediakan akan dapat berfungsi dan akan dapat dijumpai sewaktu ianya diperlukan. Sekarang ini pihak Pasukan Bomba sedang mengadakan satu kempen memeriksa dan menguji pili-pili bomba dan bekalan air secara menyeluruh di seluruh Semenanjung Malaysia mulai pertengahan bulan Disember, 1980 ini iaitu selama dua bulan dan kempen seumpama ini akan diteruskan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan.

(Soalan No. 15 Y. B. Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan tidak hadir)

PANGGANG DAGING BABI DI HARI PERAYAAN

16. Puan Hajjah Salmah biati Sheikh Hussain minta Perdana Menteri menyatakan sikap Kerajaan terhadap sungutan orang ramai yang beragama Islam mengenai panggang daging babi yang dipamerkan di khalayak ramai di hari-hari perayaan agama kaum Cina.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini bahawa adalah menjadi hasrat kerajaan supaya mana-mana pihak yang menjalankan sebarang perayaan ataupun upacara agamanya hendaklah memelihara perasaan sensitif pihak yang lain yang bukan penganut agama tersebut.

Kebebasan beragama adalah dijamin di dalam negara ini. Walau bagaimanapun, di dalam menjalankan upacara agama, pihak

berkenaan hendaklah tidak melakukan sehingga ke peringkat yang boleh mengganggu perasaan sensitif penganut agama yang lain. Oleh itu, Kerajaan menyeru kepada badan-badan pengurus kuil-kuil dan rumah-rumah berhalal Cina sedia bekerjasama dan berhati-hati di dalam perkara memampirkan babi, walaupun di dalam apa bentuk sekalipun supaya tidak mengganggu perasaan kaum lain sama ada Islam atau yang lain.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan kebebasan beragama, Kerajaan tidak menghalang sebarang perayaan-perayaan agama diadakan oleh semua keturunan di negara ini. Bagaimanapun perhimpunan dan perarakan hendaklah mengikut undang-undang dan memerlukan kelulusan pihak Polis bagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 27 Akta Polis No. 41/67. Sekiranya perhimpunan dan perarakan yang akan diadakan itu pada penyeliaan pihak Polis memudaratkan kepentingan keselamatan dan mengganggu ketenteraman awam, adalah tidak dipertimbangkan.

GULA—KONTRAK JANGKA PANJANG

17. Tuan K. Kumaran minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan.

- (a) syarat-syarat dalam perjanjian pembelian gula yang dibuat dengan Queensland dan Cuba beberapa tahun dahulu;
- (b) bila perjanjian akan berakhir; dan
- (c) sama ada kerajaan bercadang menyambung semula perjanjian itu dengan syarat-syarat tertentu supaya melebihi lagi jumlah pembelian memandangkan penggunaan gula semakin meningkat.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah menandatangani kontrak jangka panjang dengan Kerajaan Queensland, Australia dan Fiji. Malaysia tidak ada membuat perjanjian membeli gula dengan Cuba. Malaysia telah menandatangani dua kontrak jangka panjang dengan Kerajaan Queensland pada tahun 1974 dan lagi pada tahun 1980. Kontrak pertama adalah bagi tempoh 1975 hingga 1983 dan kontrak yang kedua adalah bagi tempoh 1981 hingga 1984.

Malaysia juga telah menandatangani dua kontrak jangka panjang dengan Kerajaan Fiji pada tahun 1974 dan juga pada tahun 1980. Kontrak pertama adalah bagi tempoh 1975 hingga 1982 dan kontrak yang kedua adalah bagi tempoh 1981 hingga 1984.

Melalui kontrak-kontrak ini Malaysia telah dan akan dibekalkan gula mentah sebanyak 2,964,000 tan metrik dalam tempoh 1975 hingga 1984. Oleh kerana kontrak-kontrak jangka panjang ini berakhir pada tahun 1984 Kerajaan masih belum membuat apa jua keputusan untuk menyambung kontrak-kontrak ini. Syarat-syarat yang telah dipersetujui adalah dianggap sebagai commercial secret yang tidak dapat dijelaskan untuk kepentingan perjanjian-perjanjian yang akan datang.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 1974 perjanjian telah dibuat. Pada tahun 1976 gula turun harganya di negara-negara lain dibandingkan dengan negara kita, negara kita sehabis-habis mahal pada masa itu. Apabila ditanya di Parlimen ini dikatakan kita tidak boleh buat apa-apa. Kita tidak boleh turun harga gula kita oleh kerana kita sudah ada perjanjian harga mahal, jadi kita tidak boleh jual murah. Pada hari ini kita telah membuat perjanjian dengan Australia dan Fiji harga gula kita dinaikkan apa sebabnya? Sebab apa harga gula kita ditandatangani sampai 1982 baru hab's? Apa sebabnya boleh dinaikkan harga?

Yang kedua, pada hari ini dipasaran gula tidak ada. Orang mengamuk sana sini mengatakan di mana ada gula. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu atau tidak iaitu gula ini bukannya yang disorok-sorok oleh orang-orang yang menjual satu dua kati—tidak? Ada atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri memeriksa kilang itu sendiri? Oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, iaitu gula masuk ke Port Kelang atau Pulau Pinang, masuk sahaja, tulis—keluar gula itu. Ada ingatkah atau tidak dua tiga tahun yang lalu iaitu gula cukup susah didapati dan di Hong Kong harga gula cukup mahal. Apa yang dibuat, iaitu masuk sahaja, gula, sign kemudian re-export keluar negeri. Boleh atau tidak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memeriksa, dan jangan dipersalahkan kepada orang yang kecil-kecil ini, boleh atau tidak dibuat begitu?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit latar belakang mengenai perjanjian kontrak jangka panjang. Di seluruh negara, kegunaan gula ialah di lingkungan 500,000 tan. Cuma 10% daripada kegunaan ini datang dari kilang gula berintegrasi seperti Kilang Gula FELDA dan kilang Gula di Padang Terap dan sebagainya. Bakinya 90% kita kena beli gula mentah supaya kita menapis dan jual sebagai gula bertapis. Oleh kerana gula ialah satu commodity yang mana ada masa kalau seimbang di dunia dengan permintaan dan bekalan ada kurang harga gula itu naik. Kalau ada lebih, harga itu turun. Oleh kerana pada tahun 1974 Kerajaan telah buat satu dasar dan ambil langkah untuk menstabilkan harga gula kita bagi jangka panjang. Jadi pada masa itu kerajaan telah ada satu kontrak dengan Queensland dan Fiji bagi tempoh tahun 1975 hingga 1980. Memang saya tidak menafikan bahawa pada tahun 1976 harga gula mentah di dunia telah turun dan oleh kerana kita ada satu harga untuk menstabilkan harga di negara kita ini, kita tidak boleh menurunkan harga runcit yang mana pada masa itu ditetapkan di paras 65 sen sungguhpun harga dunia telah turun pada masa itu.

Sebaliknya sekarang sebab kita ada kontrak jangka panjang oleh sebab kita rasa satu dua tahun hadapan kita akan menghadapi kekurangan gula di dunia; harga gula mentah sekarang sudah naik di dunia, kalau sekarang kita beli gula mentah luar daripada kontrak ini kita kena bayar \$2,000 setan dan kalau kita menapis gula itu kita kena jual dengan harga \$1.50 sen sekati. Tetapi kita masih jual dalam paras 75 sen sebab kita ada kontrak jangka panjang ini. Ini tujuan utama yang mana kita ada long-term contract.

Tetapi sebab lebih kurang 40% daripada kegunaan gula mentah ini datang dari luar daripada kontrak ini, ini mempengaruhi harga yang kerajaan akan dapat jual di pasaran runcit. Ini ialah satu perkara yang mana sejak bulan Februari tahun ini harga gula di dunia telah naik akibat daripada kekurangan bekalan. Banyak tempat ada crop failure tebu dan juga ada setengah negara yang mana dahulu export gula sekarang pun kena import gula seperti negeri Pakistan dan sekarang negeri Thai pun kurang gula. Jadi sebab itu ada setengah orang berasa ada kekurangan di dunia di negara kita ini-pun kita ada hadapi kekurangan dan baru-

baru ini dalam dua tiga bulan khususnya dalam bulan September/Oktober ada gula berintegrasi di Perlis dan di Padang Terap di dalam musim luar menuai tebu. Jadi bekalan yang dianggap datang daripada itu pun kita tidak ada dan oleh kerana itu timbul kekurangan gula. Bertambah pula harga gula di Malaysia ini ditetapkan dalam paras 75 sen tetapi harga di negeri jiran seperti Thailand sungguhpun tetap harga 85 sen tetapi black market sudah naik sampai \$1.30 sen dan juga harga di Singapura pun lebih. Jadi ada penyeludupan.

Dahulu penyeludupan secara kecil-kecilan iaitu seorang masuk ke Kelantan, masuk ke Perlis, masuk ke Kedah dia keluar bawa 3 kati, 5 kati gula. Kalau dalam keretapi 200 orang seorang bawa 2 kati sudah menjadi 400 kati. Ini kita tidak boleh tahan kalau seseorang itu membawa kecil-kecilan. Sebenarnya dia kata untuk guna sendiri tetapi kita tahulah kalau masuk bawa 5 kati-10 kati sehari boleh dapat \$5 atau \$10 lebih baik bekerja, tetapi baru-baru ini kita telah dapat laporan bahawa ada sindiket besar yang membawa keluar gula daripada negara kita ini. Jadi inilah timbul masalah kekurangan gula tetapi kerajaan sekarang telah pun mengetahui sebab-sebabnya itu dan telah mengambil satu langkah yang lebih drastic untuk mengawal pengedaran gula daripada kilang melalui wholesaler, dealer sampai kepada pengguna supaya pengguna dapat bekalan gula yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 & 18 hingga 26 adalah diberi di bawah ini)

KUMPULAN FANATIK AGAMA

15. Tuan Hj. Mohd. Azlan Kinjawan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan motif kumpulan Fanatik Agama yang menyerang Balai Polis di Batu Pahat, Johor pada 16hb Oktober 1980 lalu dan apakah langkah yang sudah diambil Kementerian tersebut untuk memastikan tidak ada pengikut-pengikutnya mengulang perkara serupa itu lagi.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kumpulan yang menyerang Ibu Pejabat Daerah Polis Batu Pahat pada 16hb Oktober, 1980 bukanlah kumpulan fanatik agama, tetapi kumpulan haram ajaran yang menyeleweng. Motif sebenar penyerang Ibu Pejabat Polis tersebut masih tidak dapat dipasti dengan jelas. Walau bagaimanapun, dari siasatan yang dibuat anggota kumpulan haram yang menyerang Ibu Pejabat Polis itu adalah dipengaruhi oleh ajaran-ajaran Mohd. Nasir bin Ismail yang mengaku dirinya sebagai "Imam Mahadi".

Setakat ini seramai 22 orang saki baki yang terlibat dengan kumpulan haram ajaran yang menyeleweng tersebut telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Dengan penangkapan tersebut, kumpulan ini telah dapat dilumpuhkan. Walau bagaimanapun, pengawasan selanjutnya masih diteruskan untuk mengelakkan kejadian seperti itu tidak berulang lagi.

PEMBORONG BUMIPUTRA

18. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Kerja raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) Sama ada pemborong-pemborong terutama sekali pemborong Bumiputra boleh menyewa jentera-jentera kepunyaan JKR untuk melaksanakan satu-satu projek dan jika boleh nyatakan syarat-syaratnya; dan
- (b) Sama ada peraturan akan dibuat untuk membolehkan semua pemborong menyewa jentera-jentera kepunyaan JKR.

Timbalan Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Clarence E. Mansul): Berkenaan dengan soalan (a) dan (b), pemborong-pemborong JKR terutama sekali pemborong-pemborong Bumiputra boleh menyewa jentera-jentera kepunyaan JKR untuk melaksanakan projek-projek Kerajaan. Akan tetapi oleh kerana kekurangan jentera-jentera di JKR, hanya jentera-jentera yang terhad sahaja boleh disewakan untuk melaksanakan projek-projek Kerajaan. Peraturan untuk penyewaan itu sedia ada dan sedang digunakan oleh pihak JKR.

UDA—PROJEK DI NEGERI PERLIS

19. Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada UDA akan mengadakan lebih banyak projek di Perlis sebagai langkah menggalakkan lebih ramai peniaga-peniaga bumiputra mencebur diri dalam perniagaan di bandar-bandar dalam negeri tersebut.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Sehingga 30hb Jun 1980, UDA telah meluluskan lima buah projek pembangunan tanah di negeri Perlis yang terdiri dari dua projek pembinaan rumah kedai, satu kompleks perniagaan dan dua skim perumahan. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, UDA merancang untuk melaksanakan dua buah lagi projek pembangunan tanah dan perniagaan untuk membantu bumiputra di Perlis.

PERSIDANGAN KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL DI NEW DELHI

20. Tuan Abdullah bin Salleh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) hasil persidangan Negara-negara Komanwel di New Delhi yang beliau hadiri; dan
- (b) hasil dari rundingan di antara Menteri-menteri negara ini dengan Perdana Menteri Samoa Barat yang melawat Malaysia baru-baru ini.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Sebagai menjawab soalan yang pertama, hasil yang dapat dicapai di dalam Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel Serantau Asia dan Pasifik di New Delhi adalah sebagaimana yang disebutkan dalam "Communique" persidangan itu. Secara ringkas.

- (1) Berkenaan dengan kerjasama serantau, ahli-ahli CHOGRM yang lebih maju menyokong sepenuhnya rancangan meluaskan lagi bidang bantuannya kepada ahli-ahli CHOGRM yang kurang maju. Malaysia telah mengadakan Rancangan Bantuan Teknikal kepada ahli-ahli CHOGRM yang sedang membangun dan baru mencapai kemerdekaan;
- (2) Berkenaan dengan dadah, persidangan itu menerima pandangan Malaysia bahawa perkara penyalahgunaan dadah

bukan hanya masalah sosial tetapi juga sebagai ancaman keselamatan kepada negara. Pandangan Malaysia mengenai dadah ini adalah dipersetujui oleh persidangan;

- (3) Dalam bidang perusahaan pula, persidangan itu telah bersetuju menubuhkan sebuah kumpulan kerja berkenaan dengan perindustrian supaya mengkaji cadangan-cadangan kerjasama perusahaan di antara ahli-ahli CHOGRM.
- (4) Dalam bidang pertanian, persidangan itu bersetuju melantik sebuah kumpulan pakar-pakar penyelidik untuk meneliti dan mengesyorkan rancangan kerjasama pertanian di kalangan ahli-ahli CHOGRM;
- (5) Berkenaan dengan Kampuchea dan Afghanistan, persidangan itu memandang berat tentang keadaan di negara-negara itu dan mendesak supaya pihak-pihak yang berkenaan mencari penyelesaian secara aman untuk membolehkan rakyat di negara itu menentukan masa depannya tanpa campurtangan dari luar.

Sebagai menjawab soalan yang kedua, Perdana Menteri Samoa Barat telah melawat Malaysia atas jemputan Y.A.B. Perdana Menteri. Perdana Menteri itu ingin mengetahui dan menengok usaha-usaha pembangunan yang dijalankan di negeri ini. Rundingan yang diadakan adalah banyak tertumpu kepada perkara-perkara itu.

Y.A.B. Perdana Menteri telah menawarkan kepada Perdana Menteri itu bantuan kemudahan-kemudahan latihan dalam bidang pembangunan dan pertanian. Khususnya, Perdana Menteri itu meminta bantuan untuk menubuhkan unit perancangan pusat dan meminta nasihat mengenai struktur pemasaran dan usaha-usaha di bidang "aquaculture". Permohonan-permohonan itu sedang dipertimbangkan.

Y.A.B. Perdana Menteri dan Perdana Menteri Samoa Barat itu telah juga bertukar-tukar fikiran mengenai perkara-perkara kepentingan bersama seperti perdagangan dua hala, kebudayaan dan usaha-usaha yang lain untuk meningkatkan lagi persefahaman dan kerjasama antara Malaysia dengan Samoa Barat.

BANGSA-BANGSA BERSATU MEMBANTU NEGARA-NEGARA AHLI

21. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar Bangsa-bangsa Bersatu akan membantu Malaysia bila negara kita diserang oleh musuh.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, salah satu matlamat penubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ialah untuk menjaga dan memastikan keselamatan dan keamanan di dunia. Sekiranya berlaku pertelingkahan ataupun peperangan di antara negara-negara ahli yang boleh mengancam keamanan antarabangsa, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu boleh memainkan peranannya dengan mempengaruhi dan mendesak pihak-pihak yang bersengketa supaya menghentikan persengketaan. Dalam hal ini Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu akan dapat dijadikan tempat untuk mengadakan perbincangan dan perundingan di antara pihak-pihak yang terlibat dalam usaha mencari satu penyelesaian damai. Dengan lain perkataan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu akan dapat memainkan peranan sebagai orang tengah di antara pihak-pihak yang bersengketa. Melalui Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu pula akan dapat menyediakan satu pasukan keamanan (UN Peace Keeping Force) yang dianggotai oleh negara-negara ahli sendiri bagi tujuan menjaga keamanan buat sementara di tempat berlakunya pertelingkahan dalam masa proses rundingan dijalankan. Walau bagaimanapun, adalah jelas bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bukanlah sebuah kerajaan ataupun pertubuhan ketenteraan.

Dengan ini, sekiranya Malaysia diserang oleh musuh dari luar, kita boleh merujuk perkara ini kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Di sini Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu boleh menawarkan jasa baiknya untuk membawa perkara tersebut ke meja perundingan. Melalui badan dunia tersebut kita boleh mendapatkan sokongan daripada negara-negara ahli yang menjadi sahabat. Seperti yang telah disebutkan di atas tadi, dengan kuasa moralnya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu boleh mempengaruhi dan mendesak pihak yang menceroboh menghentikan pencerobohan supaya rundingan dapat dijalankan dan keamanan dapat dipulihkan.

KEGELINCIRAN KERETAPI

22. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan kemalangan keretapi barang yang tergelincir landasan dari tahun 1978 hingga 1980 dan apakah tindakan yang diambil terhadap kemalangan yang melibatkan kerugian yang berjuta-juta ringgit ini.

Dr Goh Cheng Teik: Bilangan kegelinciran keretapi barang-barang adalah seperti berikut:

Tahun	Keretapi barang			
1978	67
1979	88
1980 (Sept)	101

Setiap kegelinciran yang berlaku disiasat oleh sebuah Jawatankuasa yang terdiri dari Pegawai-pegawai Daerah Keretapi. Bagi kegelinciran yang hebat pula, sebuah Jawatankuasa Penyiasat Khas dilantik untuk menyiasat sebab-sebab kegelinciran tersebut dan seterusnya mengemukakan rekomendasi bagi mengatasinya. Berdasarkan analisa kegelinciran-kegelinciran seperti ini langkah-langkah yang sesuai diambil bagi cuba mengurangkan/mengelakkan kegelinciran seperti ini dari berlaku lagi seperti berikut:

- (i) membaharui landasan, gerabak-gerabak dan koc-koc yang sudah lanjut usianya melalui rancangan-rancangan pembaharuan yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat;
- (ii) menghadkan kelajuan terin di bahagian-bahagian landasan yang telah lama sementara ianya dibaiki atau diganti;
- (iii) mengadakan pengawasan yang rapi untuk menentukan muatan-muatan yang diisikan ke dalam gerabak-gerabak seimbang dan tidak melebihi had muatan yang telah ditetapkan;
- (iv) memberi latihan kepada kakitangan-kakitangan operasi dalam teknik memandu yang lebih berkesan dan di mana perlu, mengambil tindakan disiplin ke atas kakitangan-kakitangan yang didapati cuai menjalankan tugasnya;
- (v) menambah lagi kadar pembaharuan tahunan serta membaiki lagi mutu penyelenggaraan landasan dengan menggunakan jentera penyelenggaraan moden.

PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN

23. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada dapat ditimbangankan pengecualian daripada cukai pendapatan simpanan ahli-ahli dalam Tabung Haji sehingga jumlah simpanan mereka mencukupi untuk pemergian ke Mekah sebagai galakan dan sokongan tambahan daripada Kerajaan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sudah pun memberi pelepasan yang besar dari cukai pendapatan. Pembayar cukai perseorangan adalah diberi pelepasan \$3,000 bagi dirinya, \$2,000 bagi isterinya dan ribet cukai sebanyak \$60 iaitu seolah-olah mendapat pelepasan sebanyak \$1,000 lagi bagi pembayar cukai di peringkat cukai yang rendah sekali.

Selain dari itu pelepasan bagi tanggungan anak-anak sehingga \$3,000 adalah diberi, manakala bagi sumbangan terhadap kumpulan wang persaraan dan insuran, pelepasan sebanyak \$3,500 juga diberi. Oleh yang demikian, jumlah pelepasan yang diberi kepada seseorang pembayar cukai ialah sebanyak \$12,500 maksima. Bagi seseorang yang berpendapatan \$12,500 dan ke bawah ianya adalah terkecuali daripada membayar cukai pendapatan. Adalah jelas bahawa pelepasan cukai yang diberi sudah mencukupi dan saya percaya pembayar cukai tidak memerlukan lagi bantuan untuk perbelanjaan menunaikan fardhu haji bagi maksud mana jumlah perbelanjaan adalah kira-kira \$5,000 sahaja. Sungguhpun perbelanjaan sebanyak ini mungkin tidak dapat disimpan sekali gus, bakal-bakal haji adalah diberi kemudahan dan juga galakan penyimpanan dengan Tabung Haji melalui pengecualian cukai ke atas dividen yang diterima daripada caruman atau simpanan berjumlah \$10,000 maksima. Oleh demikian kadar simpanan bolehlah dirancang supaya jumlah yang dikehendaki diperolehi pada tahun yang berkenaan. Memandangkan bahawa pelepasan cukai yang diberi sekarang ini sudah pun mencukupi saya tidak bercadang buat Ketika ini menambahkan lagi pelepasan cukai ke atas simpanan yang dibuat kepada Tabung Haji bagi maksud menunaikan fardhu haji.

ANGGOTA POLIS—PERMOHONAN

24. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sambutan daripada berbilang kaum terhadap kempen pengambilan anggota-anggota polis baru.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan permohonan yang memohon untuk menjadi anggota polis dalam pengambilan terbaru ialah:

(a) Bagi jawatan Kadet Penolong Penguasa Polis (Kontrek dan tetap)

(i) <i>Lelaki</i>			%
Melayu	144	(53.5)	
China	87	(32.3)	
India	34	(12.7)	
Lain-lain bangsa ..	4	(1.5)	

(ii) <i>Wanita</i>			%
Melayu	6	(46.1)	
China	7	(53.9)	
India	—	—	
Lain-lain bangsa ..	—	—	

(b) Bagi jawatan Inspektor Percubaan

(i) <i>Lelaki</i>			%
Melayu	5,458	(72.3)	
China	1,199	(15.9)	
India	465	(6.2)	
Lain-lain bangsa ..	427	(5.6)	

(ii) <i>Wanita</i>			%
Melayu	5,321	(79)	
China	1,036	(15.4)	
India	180	(2.6)	
Lain-lain bangsa ..	199	(3)	

(c) Bagi jawatan Konstabal

(i) <i>Lelaki</i>			%
Melayu	5,499	(81.4)	
China	390	(5.8)	
India	509	(7.5)	
Lain-lain bangsa ..	358	(5.3)	

(ii) <i>Wanita</i>			%
Melayu	11,647	(89.2)	
China	700	(5.3)	
India	275	(2.1)	
Lain-lain bangsa ..	438	(3.4)	

PENDATANG HARAM—TARAF PENDUDUK TETAP

25. Tuan K. Kumaran minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah pendatang haram dari pelbagai negara yang diberi status "permanent stay" di negara ini semenjak tahun 1975.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak ada seorang pun pendatang haram dari mana-mana negara jua pun diberikan taraf penduduk tetap.

BAYARAN LETRIK YANG TINGGI

26. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada kerajaan sedar bahawa kuasa elektrik adalah penting bagi satu-satu industri, baik ringan atau berat dalam mana-mana negara dan sekiranya harga bayaran kuasa elektrik melambung tinggi tentulah pengeluaran meningkat dan tidak dapat menggalakkan modal asing masuk ke negara ini. Jika sedar, adakah kerajaan akan menimbangkan perkara ini supaya kenaikan yang telah ditetapkan baru-baru ini boleh diturunkan.

Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan memang sedar bahawa kuasa elektrik adalah penting bagi kemajuan perindustrian di negara ini. Di atas kesedaran ini dan di atas hasrat kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan industri-industri di negara ini, maka kerajaan telah mengambil masa yang begitu lama untuk meluluskan kenaikan tarif elektrik yang baru yang mula berkuatkuasa pada 1hb Disember, 1980 baru-baru ini. Kelulusan ini hanya diberi selepas satu kajian yang menyeluruh dan mendalam dibuat bukan sahaja di atas masalah kewangan LLN malahan, yang lebih penting, di atas implikasi kenaikan kadar tarif elektrik kepada ekonomi negara dan rakyat keseluruhannya.

Berhubung dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa kenaikan tarif elektrik akan mengakibatkan kepada meningkatnya kos pengeluaran dan ini tidak dapat menggalakkan masuknya modal asing di negara ini, suka saya memaklumkan bahawa memang benar sedikit sebanyak kos pengeluaran bagi industri-industri perkilangan akan meningkat.

Tetapi sepertimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kos elektrik merupakan sebahagian kecil daripada kos pengeluaran keseluruhan barangan yang dihasilkan oleh oleh industri-industri perkilangan ini. Kenaikan tarif elektrik yang baru-baru ini dikuatkuasakan, saya percaya, tidak akan menyebabkan tersekatnya masuk modal asing ke negara ini. Bagi industri-industri perkilangan yang kos elektriknya merupakan bahagian yang agak besar, kerajaan telahpun mengisytiharkan bahawa diskaun sebanyak 20% akan diberikan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Kos elektrik merupakan sekurang-kurang 25% daripada jumlah kos pengeluaran; dan
- (b) sekurang-kurangnya 60% daripada pengeluarannya digunakan dalam negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian diskaun sebanyak 20% daripada bil bulanan ini adalah bersamaan dengan lebih kurang 50% daripada kenaikan harga elektrik bulanan. Dengan hal yang demikian, bagi menjawab solan Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan kadar tarif yang baru sahaja dikuatkuasakan iaitu sejak 1-12-1980. Adalah diharapkan bahawa dengan wujudnya kadar tarif elektrik baru ini maka pengguna-pengguna tenaga elektrik yang besar seperti industri-industri akan berusaha sedaya upaya untuk tidak menggunakan kuasa elektrik dengan cara yang membazirkan.

USUL

UCAPAN TAHNIAH DAN IKRAR TAAT SETIA KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

4.02 ptg.

Pemangku Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, dengan segala hormat dan takzimnya, saya kemukakan satu usul seperti berikut:

- (i) mempersembahkan suatu Ucapan Tahniah yang tidak seperti kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Sultan Haji Ahmad

Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, di atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong; dan

- (ii) mempersembahkan lafaz Taat Setia Dewan ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, pada 10hb Julai tahun ini keseluruhan rakyat negara ini dengan penuh kegembiraan telah merayakan pertabalan Tuanku Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke tujuh. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda telah dipilih dan dilantik oleh Duli-duli Yang Maha Raja-raja untuk menaiki tahta kerajaan sebagai Raja memerintah bagi seluruh negara Malaysia berikutan kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahaya Putra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim. Adapun Kebawah Duli Baginda adalah terus pemerintahan beraja dan berpallimen. Kuasa, tanggungjawab, kedaulatan dan kebesaran Baginda adalah termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda adalah juga lambang kedaulatan dan perpaduan negara kita. Perpaduan rakyat merupakan tujuan utama bagi segala usaha-usaha pembangunan negara ini. Dalam menjalankan usaha-usaha pembangunan negara kita terpaksa menghadapi berbagai-bagai cabaran. Cabaran-cabaran dalam dekad 80an khususnya memerlukan semangat yang kuat. Usaha-usaha yang gigih dan perpaduan rakyat yang tidak berbelah bahagi. Semangat bersatu-padu antara keseluruhan rakyat merupakan senjata yang penting untuk menahan ancaman-ancaman dan musuh-musuh dari dalam dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Kerajaan akan meneruskan rancangan pembangunannya melalui Rancangan Malaysia Ketiga dan juga Rancangan Malaysia Keempat di mana usaha-usaha pembangunan akan terus dipertingkatkan. Dengan adanya bimbingan seorang Raja memerintah yang berpengalaman luas dalam bidang pemerintahan dan pentadbiran dan

mempunyai kesedaran yang mendalam terhadap masalah negara dan rakyat, insya Allah segala usaha-usaha kita itu akan mencapai kejayaan yang lebih lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perasaan yang bangga Dewan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kebawah Duli Baginda di atas perlantikan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Dewan ini juga menyampaikan ikrar taat setianya kepada Kebawah Duli Baginda semoga dengan daulat dan pimpinan Baginda negara kita akan dilimpahi rahmat, kemakmuran, kesejahteraan selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

4.08 ptg.

Menteri Tak Bertepotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala hormat dan sukacitanya menyokong atas usul Ucapan Tahniah dan Ikrar Taat Setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, di atas pemilihan Baginda seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Pedana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, di dalam Dewan ini sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya rakyat Malaysia merasa bertuah dan berbangga walaupun kita terdiri dari berbagai-bagai kaum, keturunan dan agama atas kebesaran dan kedaulatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menjadi lambang kedaulatan dan perpaduan rakyat dengan izin Allah hari ini rakyat negara kita telah menikmati kemakmuran hidup dan keamanan bahkan pembangunan negara kita dapat terus berkembang maju dan dikecapi oleh rakyat akan segala hasil pembangunan yang sedang dijalankan dengan rancang dalam bidang pelajaran, pendidikan, keagamaan, sosio-ekonomi dan lain-lain. Dengan kerana kesetabilan politik dalam negara kita serta rakyatnya menyedari nilai-nilai demokrasi yang menjadi sistem pemerintahan negara maka telah ternyata banyak pelaburan-pelaburan asing dibawa masuk ke negara ini.

Selaku ketua agama Islam Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sentiasa mengambil berat dalam hal ehwal agama dan umatnya dan telah menunjukkan contoh tauladan yang tinggi, umpamanya, menghadiri dan meresmikan sendiri upacara-upacara kebesaran seperti pelancaran menyambut Abad Ke 15 Hijrah di Parlimen pada 21hb November, 1979 dan berangkat melawat Expo Pembangunan Islam di Stadium Negara dan di Cangkat Pavilion yang mana Expo tersebut mendapat sambutan dan perhatian yang amat menggalakkan dari seluruh lapisan rakyat di negara ini kira-kira 7,000 orang tiap-tiap hari yang menyaksikannya. Baginda juga amat disayangi dan dihormati oleh rakyat dengan mudah bermesra dengan mereka, terutama di ketika Baginda menunaikan sembahyang Jumaat di merata-merata tempat di seluruh masjid dalam Wilayah Persekutuan dan memberi peluang kepada rakyat bersalam-salaman dengan Baginda yang mana kasih mesra dan muhibbah itu tertanam dalam hati sanubari rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Negara Malaysia mempunyai sejarah dan perkembangannya yang tersendiri lagi unik. Hasil dari perjuangan kemerdekaan yang gigih, persefahaman dan perpaduan rakyat berbilang kaum adalah menjadi asas utama bagi menjamin penerusan pembangunan dan keselamatan negara, taat setia kepada Raja dan Negara yang menjadi salah satu daripada Rukun Negara kita adalah sendi perpaduan rakyat. Baginda adalah teras pemerintah beraja dan Baginda juga melambangkan perpaduan dan kedaulatan negara. Malaysia sungguh bernasib baik dan berbangga atas perlantikan Baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia kerana Baginda dikenali dan disegani sebagai seorang Raja pemerintah yang berpengalaman luas, berpandangan jauh dan boleh memberi pimpinan dan panduan yang bijaksana.

Dengan ini saya bagi pihak Barisan Nasional dan bagi pihak Parti BERJASA mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan membuat ikrar taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas pemilihan Baginda itu, mudah-mudahan Allah subhanahu wa taala lanjutkan usia Seri Paduka Baginda Tuanku di dalam berkat serta mendapat taufik dan hidayahNya.

Saya dengan ini memohon serta berdoa semoga dalam masa pemerintahan Seri Paduka Baginda negara kita akan dilimpahi rahmat, kemakmuran dan keselamatan serta dilindungi oleh Allah Subhanahu wa taala.

Saya menyokong cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Masalah di hadapan Majlis sekarang ialah:

Bahawa Dewan ini mengemukakan satu usul seperti berikut:

- (i) mempersembahkan suatu Ucapan Tahniah yang tidak sepertinya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah, di atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong; dan
- (ii) mempersembahkan lafaz Taat Setia Dewan ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Dato' Haji Mustapha.

4.13 ptg.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak UMNO menyokong penuh usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Pemangku Perdana Menteri yang telah mencadangkan bagi mempersembahkan Ucapan Tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sebagai Wakil UMNO, saya dengan tulus ikhlas dan hormat takzim di dalam Dewan yang mulia ini merafakkan sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Muadzam Shah, di atas pilihan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu Kebawah Duli Baginda sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ketujuh setelah mangkatnya Al-Marhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Yahya

Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim yang sangat-sangat dikasihi itu. Pemilihan Kebawah Duli Baginda adalah sangat kena pada tempatnya dan sesuai sebagai Ketua Negara yang sedang pesat membangun.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya semenjak Duli Yang Maha Mulia Baginda dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong, Baginda sentiasa memberi perhatian berat kepada seluruh rakyat dari semua kaum, tidak kira miskin ataupun kaya, tidak kira dari desa ataupun dari kota, Baginda sentiasa mencemarkan Duli melawat rakyat dengan perasaan kasih mesra sebagai seorang Raja dan Ketua Negara yang pengasih dan penyayang.

Tuan Yang di-pertua, Duli Yang Maha Mulia Baginda juga sentiasa memberi perhatian berat di dalam serba bidang pembangunan negara ini di mana Baginda sentiasa menaruh minat sebarang taklimat yang telah dipersembahkan Kebawah Duli Baginda.

Apa yang sangat menarik perhatian saya ialah di atas titah nasihat Kebawah Duli Baginda seperti di dalam beberapa upacara-upacara pembukaan negara, di dalam Upacara Pembukaan Dewan Parlimen, Upacara Pembukaan Musabqah Al-Quran dan Upacara Sambutan Abad Yang ke 15 Hijrah dan lain-lain upacara negara. Baginda sentiasa menyampaikan titah nasihat yang sangat-sangat berguna kepada rakyat dan negara, berlebih-lebih bagi perkembangan umat Islam yang maha suci dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Raja dan Ketua Negara yang memberi perhatian berat terhadap agama, apa yang saya telah difahamkan semenjak Baginda dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong telahpun melawat ke seluruh masjid-masjid di dalam Wilayah Persekutuan di samping menunaikan fardhu Jumaat. Di samping itu juga Duli Yang Maha Mulia Baginda sebagai Ketua Negara yang sentiasa memberi perhatian berat terhadap keselamatan dan pertahanan negara dan juga telah berangkat menyaksikan dari dekat segala kegiatan dan latihan pertahanan negara ini. Ini adalah membuktikan betapa pentingnya keselamatan dan pertahanan negara ini, iaitu sesuai dengan dasar Kerajaan Baginda yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn sebagai Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak UMNO yang telah diwujudkan di negara ini semenjak 11hb Mei, 1946 yang lalu, iaitu lebih daripada 34 tahun yang telah berjuang serta mempertahankan kedaulatan Raja-raja Melayu daripada tangan penjajah maka dengan ini menyokong penuh usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri, di samping itu membaharui dan menyembahkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bagi Kebawah Duli Baginda serta iringan doa ke hadrat Allah, mudah-mudahan Allah lanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, diharapkan terus diberi taufik dan hidayah dari Allah untuk menjadi Ketua Negara Malaysia di dalam pemerintahan yang aman, makmur, adil serta seluruh rakyat dan negara Malaysia di dalam lindungan Allah serta selamat sejahtera. Sekian, terima kasih.

4.20 ptg.

Tuan Yap Peng: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sungguh bertuah kerana diberi peluang untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri Dato Seri Dr Mahathir Mohamad.

Saya berdiri bagi pihak Parti MCA dan bagi diri saya sendiri untuk mengucapkan tahniah di atas perlantikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong. Kami dari Parti MCA berasa sungguh bertuah mendapat seorang Raja yang terkenal lagi mulia yang mengambil berat atas kemajuan dan aktiviti rakyat dan negara Malaysia. Sifat-sifat Baginda sebagai seorang Ketua Negara susah hendak ditauladani, yakni seorang Raja yang berjiwa rakyat. Baginda menunjukkan kepada rakyat jelata bagaimana Baginda mengambil perhatian dan pertimbangan ke atas rakyat seluruhnya. Baginda ialah seorang Raja dan Ketua Negara yang sentiasa melihat dan memerhatikan akan masalah kemajuan rakyat sepertimana yang kita dapat buktikan dengan kehadiran dan lawatan Baginda kepada beberapa upacara dan peristiwa-peristiwa sama ada di Ibu Kota atau di tempat-tempat lain di negara ini. Saya sungguh

yakin dan percaya rakyat Malaysia menghargai sifat-sifat ini dan tidak asinglah jika rakyat jelata hormat serta taat dan kasih kepada Baginda. Saya berdoa supaya Baginda dilimpahkan kurnia dan dilanjutkan usia oleh Tuhan yang Maha Kuasa.

Akhir sekali bagi pihak Parti MCA dan bagi diri saya sendiri, saya berjanji dan berikrar akan memberi kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan akan berusaha sedaya upaya untuk menjadikan negara yang kita kasih ini sebagai sebuah negara yang aman dan makmur. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Mahalingam.

4.24 ptg.

Tuan M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu Usul mengucapkan tahniah yang tidak seperti kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah di atas pemilihan Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sepertimana kita semua sedar, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah seorang putera negeri Pahang yang rakyat keseluruhannya tahu bahawa Kebawah Duli Baginda adalah seorang Raja yang berjiwa rakyat, sentiasa memikirkan kepentingan dan kemajuan rakyat. Oleh yang demikian rakyat dan negara memanglah boleh berbangga sekali mempunyai seorang Ketua Negara yang disayangi dan disanjung tinggi di dalam tanahair bahkan juga di luar negeri. Rakyat juga berbangga kerana dapat memperolehi seorang Raja yang selalu berdamping rapat di bidang sukan yang membina negara. Ini adalah satu kenyataan dan gejala yang sesungguhnya mewujudkan satu keadaan menyayangi Ketua Negara kita yang lebih mengutamakan kesentosaan dan kebahagiaan rakyat jelata dari semua lapisan.

Tidak lama lagi Rancangan Malaysia Keempat akan dilancarkan dan banyak lagi rancangan-rancangan pembangunan akan dilancarkan. Saya rasa di bawah pemerintahan Kebawah Duli, rancangan pembangunan akan membawa manfaat yang lebih besar untuk

rakyat keseluruhannya. Kami di Malaysian Indian Kongress berasa gembira dan bangga sekali di atas perlantikan kebawah Duli sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke V11 negara Malaysia yang kita cintai.

Di sini ingin saya menyatakan bahawa Malaysian Indian Kongress dan Masyarakat India di negara kita akan sentiasa taat-setia kepada Kebawah Duli dan berdoa ke hadrat Tuhan agar kesihatan Kebawah Duli sentiasa dalam keadaan baik dan diwahayulah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin *mempengerusikan Mesyuarat*)

4.27 ptg.

Tuan Alexander Y. L. Lee: Tuan Yang di-Pertua, salah satu kehormatan bagi saya untuk bangun dan menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri dan mengucapkan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas pemilihan Baginda.

Bagi pihak Parti Gerakan Rakyat Malaysia, kami ingin menyampaikan tahniah ikhlas kami kepada Duli Yang Maha Mulia dan kami ingin dihubungkan dengan sentimen yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di Dewan ini.

Kita semua ketahui bahawa Duli Yang Maha Mulia berpengalaman di dalam hampir tiap-tiap bidang kemasyarakatan kita. Baginda sebenarnya seorang yang serba kebolehan, kami mempunyai minat bukan sahaja dalam pembangunan negara tetapi juga di dalam kegiatan-kegiatan lain seperti sukan. Minat Baginda di dalam bidang sukan dikenali ramai dan Baginda telah juga mengambil berat tentang pengurusan sukan semasa Baginda menjadi Pengerusi Persatuan Bola Sepak Pahang. Melalui kegiatan-kegiatan yang berbagai ini Baginda menjadi rapat dengan rakyat dan di dalam masa yang singkat semasa Baginda dipertabalkan, Baginda amat terkenal di kalangan rakyat seperti yang telah kelihatan semasa perayaan Hari Raya baru-baru ini. Baginda telah juga berusaha sungguh-sungguh untuk menghampiri rakyat dengan menunaikan sembahyang dimasjid-masjid semasa bulan puasa dan saya yakin usaha-usaha Baginda untuk menghampiri rakyatnya dihargai di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, pertabalan Baginda adalah pada masa yang baik kerana negara kita memasuki tahun 80an. Seperti yang kita ketahui tahun 80an adalah jangka masa kedua Dasar Ekonomi Baru dan kita mungkin melihat negara kita mengambil langkah-langkah besar menuju ke hadapan untuk mencapai garis-garis panduan Dasar Ekonomi Baru. Kita akan menemui berbagai masalah untuk di atasi. Dengan kepimpinan dan panduan Duli Yang Maha Mulia pada pemimpin-pemimpin politik dan orang ramai saya berkeyakinan bahawa negara dapat menghadapi cabaran-cabaran ini dengan jayanya dan mengatasi masalah yang ditemui. Kita sungguh bernasib baik kerana mempunyai Yang di-Pertuan Agong yang sentiasa memberi ilham dan kita memandang jangka masa pemerintahan Baginda dengan penuh yakin.

Bagi pihak ahli-ahli Parti Gerakan, saya berdoa agar Tuhan akan memberi kesejahteraan kepada Baginda supaya Baginda akan dapat memimpin kita melalui tahun-tahun awalan 80an dengan jayanya. Tahun 80an telah terbuka dengan ketidaktentuan tentang jangka masa ekonomi dan politik dan dengan keadaan keresahan di berbagai tempat di dunia yang terus mengancam kedamaian kita, kita berdoa agar Tuhan akan mengurniakan Baginda dengan kekuatan semangat untuk memimpin kita melaluinya.

Jeneral Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin: Yang Berhormat Tuan Haji Latip.

4.30 ptg.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, kami dari Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) dengan rasa sukacita diberi peluang turut menyokong dengan sekuat-kuatnya satu yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri sebentar tadi bagi mempersembahkan suatu ucapan tahniah yang tidak seperti nya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Ketujuh yang telah selamat ditabalkan mengikut adat istiadat kebesaran negara ini pada 10hb Julai tahun ini disaksikan oleh beribu-ribu rakyat negara ini.

Bagi kami rakyat negeri Sarawak yang berbilang kaum dan kepercayaan tidak ketinggalan mempersembahkan lafaz taat setia yang tidak berbelah bagi untuk memberi kasih

sayang rakyat yang tidak terhinnga kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga Raja Permaisuri Agong. Rakyat jelata di negeri Sarawak merasa bertuah mendapat seorang raja berhati rakyat seperti yang telah terbukti kepada kami. Di masa lawatan Seri Paduka Baginda dan Raja Permaisuri Agong ke negeri Sarawak yang masih lagi menjadi kenangan yang tidak luput dalam ingatan kami sampai bila-bila masa di mana Seri Paduka Baginda dan Raja Permaisuri Agong antara lainnya telah sudi berangkat mencemar duli bersama-sama rakyat jelata menyaksikan pesta lumba perahu dan lain-lain permainan rakyat di Sungai Sarawak serta beramah mesra dengan rakyat dari yang berpangkat tinggi sehingga kepada rakyat yang serendah-rendahnya.

Di samping itu juga negeri Sarawak telah mencatatkan satu lembaran sejarah baru selepas dijajah oleh keluarga Brooke lebih 100 tahun di mana Persidangan Raja-raja bagi kali pertamanya diadakan yang kami rakyat negeri Sarawak tidak dapat menilaikan betapa besarnya perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat dan negeri kami.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menarik perhatian kami segala kegiatan yang dilakukan oleh Seri Paduka Baginda baik menerusi surat khabar dan TV adalah perkara-perkara yang memberi galakan kepada rakyat jelata di dalam berbagai bidang kemajuan, sudah barang tentu kegiatan dan galakan seperti ini memberi satu kesedaran lagi kepada rakyat jelata untuk membangunkan negara kita ini. Juga dari keadaan seperti ini maka perasaan di hati rakyat bertambah lagi taat setia yang sedia ada itu kepada Seri Paduka Baginda. Bagi kami tidak ada perkataan yang lain kami boleh cari lagi untuk memberi sokongan kepada usul ini untuk mempersembahkan satu ucapan tahniah yang tidak seperti yang serta melafazkan taat setia kami kepada Kebawah Duli Yang Maha Mula Seri Paduka Baginda sebagai Raja yang adil dan berdaulat.

Akhir kata dengan perasaan yang ikhlas kami berdoa kepada Allah subhanahu-wataala semoga Seri Paduka Baginda dan Raja Permaisuri Agong sentiasa dalam keadaan sihat walafiat untuk selama-lamanya.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Yang Berhormat S. I. Rajah.

4.34 ptg.

Tuan S. I. Rajah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini bagi pihak Parti progresif Rakyat (PPP) untuk mengucapkan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas pemilihan Baginda sebagai Raja Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mendapat pelajaran rendah di Pekan dan seterusnya di Maktab Melayu Kuala Kangsar bagi peringkat menengah dan seterusnya Baginda telah melanjutkan pelajaran Baginda di Oxford, England.

Duli Yang Maha Mulia telah mempunyai personality yang cemerlang dan Baginda terkenal dengan panggilan "Raja Rakyat". Baginda mengambil berat tentang hal ehwal serta aspirasi rakyat jelata. Baginda sentiasa bersedia untuk menemui rakyat dan berbincang dengan mereka secara peribadi tentang masalah mereka. Kualiti sedemikian adalah sangat baik yang terdapat pada Baginda. Selain dari itu Baginda juga adalah seorang ahli sukan dan dengan senangnya berkecimpung di dalam sukan, Baginda dapat mendekati rakyat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda adalah merupakan lambang keadilan pemerintahan undang-undang dan demokrasi di negara ini adalah dimaklumkan atas nama Baginda. Rang undang-undang khasnya akan menjadi akta setelah ianya diluluskan oleh kedua-dua Dewan dan mendapat persetujuan Di-raja dan seterusnya menjadi undang-undang negara ini. Dalam segala hal Baginda adalah pelita dan pelindung keadilan kita. Oleh itu saya berdoa agar Tuhan sentiasa melindungi Baginda dan keluarganya serta diharapkan Baginda mendapat restu dan sejahtera.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Yang Berhormat Tok Pangku Pandak Hamid.

4.37 ptg.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong atas usul Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri Malaysia dan saya bercakap dengan tidak seperti yang ucapan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong yang telah dibatalkan pada 10hb Julai, 1980. Dengan itu saya berasa megah bagi pihak Orang Asli di Malaysia ini sepatutnya saya bercakap panjang lebar tetapi masa tidak mengizinkan, dan saya ucapkan ribuan terima kasih atas usul ini.

Saya juga sedar bahawa Baginda sentiasa bercampur gaul dengan rakyat dalam negerinya lebih-lebih lagi Orang Asli di negeri Pahang tidak ketinggalan sedikit pun. Saya tahu bahawa kawasan tanah yang banyak di negeri Pahang telah Baginda berikan kepada Orang Asli, dengan itu saya berasa megah atas keadaan Orang Asli di mana ini yang meningkat lebih tinggi atau sama dengan orang Melayu dalam negeri ini.

Saya tidaklah hendak bercerita panjang lagi, hanya saya menyokong usul ini dan berdoa supaya Allah lanjutkan usia Baginda berdua suami isteri dan keluarganya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr C. Sinnadurai.

4.40 ptg.

Tan Sri Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tun kerana telah diberi peluang kepada saya untuk menyokong Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri kita. Tidak syak lagi Usul tersebut memberi erti yang amat besar kepada seluruh rakyat Malaysia dan membuka lembaran di dalam sejarah negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kaum minoriti dalam Malaysia saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas lantikan Duli Yang Maha Mulia sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia dan mengucapkan semoga Duli Yang Maha Mulia sentiasa berada di dalam pemeliharaan Allah yang sihat dan walafiat, kekal memerintah dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua ketahui Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berjiwa rakyat dan ini adalah dialu-alukan oleh seluruh rakyat jelata dalam negeri ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon.

4.42 ptg.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyembahkan ucapan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang telah dipilih sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Seri Paduka Baginda juga adalah seorang Raja yang berjiwa rakyat yang mengambil berat berkenaan dengan perpaduan rakyat serta sanggup menemui rakyat di sana-sini terutama di masjid-masjid.

Saya rasa rakyat di negeri Pahang berasa bangga dan bertuah kerana Duli Yang Maha Mulia telah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong dan saya juga mewakili seluruh wanita di negeri Pahang mengucapkan juga tahniah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta menyokong Usul yang baru sahaja dikemukakan oleh Pemangku Perdana Menteri sebentar tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Law Hieng Ding.

4.44 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, dengan segala hormatnya saya bangun menyokong Usul yang telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri, Dato Dr Seri Mahathir bin Mohamad dan rakan saya sendiri dengan sentiment yang dinyatakan oleh rakan-rakan saya yang telah berucap sebelum saya.

Pemilihan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah sebagai Duli Yang di-Pertuan Agong telah disambut baik oleh rakyat seluruh negara.

Semenjak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda menaiki takhta, Baginda telah berangkat melawat beberapa negeri dan telah mengambil berat terhadap kesejahteraan rakyat. Di dalam masa yang singkat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda menaiki takhta Baginda telah menunjukkan minat dengan mengambil tahu hal-hal penghidupan rakyat dan khasnya bagi mereka yang telah berpeluang untuk mengadap Baginda dan mereka telah diberi perhatian.

Kami di Sarawak menjunjung kasih di atas kesudian Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mencemar Duli berangkat ke Sarawak sempena Persidangan Raja-raja yang telah diadakan dan ke mana sahaja Baginda berangkat, Baginda telah memberi perangsang kepada rakyat jelata.

Saya bagi pihak ahli-ahli Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) berikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda. Saya berdoa kepada Tuhan yang maha esa semoga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dicucuri rahmat, sihat sejahtera dan lanjut usia untuk memerintah kami sekalian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah.

4.46 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: hendak melafazkan lebih panjang dengan mempersembahkan tahniah puji-pujian terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang dibentangkan di dalam Dewan ini, dengan mempersembahkan tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak melafazkan lebih panjang dengan mempersembahkan tahniah puji-pujian terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana semua rakyat telah faham apa yang telah dilakukan, apa yang telah diadakan, keistimewaan terhadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita telahpun dikurniakan oleh Tuhan 7 Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semenjak kita mencapai kemerdekaan sampai hari ini masing-masing ada mempunyai keistimewaannya tetapi keistimewaan yang telah terpapar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah sungguh membanggakan lebih-lebih lagi di dalam hal ehwal kepentingan agama Islam di negara kita ini. Syukur Alhamdulillah ke hadirat Tuhan bagi saya selain daripada memberi

sokongan saya tidak dapat melafazkan panjang sebagai saya katakan tadi, saya hanya dapat berdoa kepada Allah semoga Allah melanjutkan usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Allah memberikan taufik dan hidayah kepada Duli Yang Maha Mulia dalam memerintah negara kita ini, moga-moga rakyat jelata mendapat kebahagiaan, keamanan dan kemakmuran buat selama-lamanya. Amin-amin ya robbal alamin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri Abdul Hamid Bidin.

4.48 ptg.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan kerana telah diberi peluang kepada saya untuk menyokong Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad. Tidak syak lagi kedua-dua Usul tersebut memberi erti yang amat besar kepada seluruh rakyat Malaysia dan membuka lembaran baru dalam sejarah negara ini.

Pada himat saya kedua-dua Usul yang telah dibentangkan itu mempunyai pertalian yang rapat di antara satu dengan yang lain. Ianya melambangkan corak penghidupan serta sistem pentadbiran negara yang mesti disanjung tinggi serta difahami oleh setiap lapisan masyarakat di negara ini bagi menjamin perpaduan, keselamatan serta pembangunan dan kemakmuran negara. Ini adalah kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah merupakan payung negara serta lambang kebesaran ugama serta tonggak kekuasaan politik di negara ini.

Pada saat yang bahagia ini, saya juga ingin menyampaikan ucapan menjunjung kasih serta setinggi-tinggi tahniah bagi pihak Persatuan Bekas Parajurit Malaysia serta seluruh ahli-ahlinya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah di atas perlantikan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang ke 7. Seterusnya bagi pihak Persatuan dan ahli

Bekas Parajurit, saya dengan rendah hati mempersembahkan lafaz taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

4.50 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sepenuhnya satu Usul Ucapan Tahniah yang tidak sepertinya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, di atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama saya sendiri dan juga bagi pihak Parti BERJAYA, Kerajaan dan rakyat negeri Sabah, kami ingin turut serta mempersembahkan Lafaz Taat Setia kami kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda bersama-sama rakyat Malaysia yang lain kami ingin merakamkan kegembiraan dan kesyukuran kami atas perlantikan Kebawah Duli sebagai Ketua Negara. Perlantikan Kebawah Duli memegang jawatan yang paling tinggi di negara ini merupakan satu rahmat yang menguntungkan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, setiap negara tentunya mempunyai keistimewaan yang boleh dibanggakan. Begitu juga halnya dengan negara kita. Malaysia harus merasa bertuah kerana Perlembagaan kita digubal begitu rupa sehingga dapat bersatu dan bernaung di bawah satu panji-panji yang berdaulat iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sebagai lambang perpaduan, Seri Paduka Baginda adalah merupakan satu inspirasi atau sumber kepercayaan kepada semua lapisan masyarakat supaya sentiasa bersatu dan berganding bahu membangun negara ini. Sistem yang kita amalkan ini adalah unik dan ianya memberi sumbangan yang besar terhadap kestabilan negara. Oleh itu rakyat haruslah mempertahankannya dengan memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap Raja dan negara. Hanya dengan

berbuat demikian kita akan terus dapat menikmati kemerdekaan sebagai sebuah negara yang aman, makmur, berdaulat dan maju.

Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah adalah seorang Raja yang tidak asing kepada rakyat Baginda di Sabah. Sebelum Kebawah Duli dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong, Kebawah Duli Tuanku pernah melawat negeri Sabah dan bertemu mesra dengan rakyat jelata. Kepada rakyat Malaysia di Sabah, Kebawah Duli Tuanku disanjung tinggi sebagai Raja bistari yang berdamping rapat dengan rakyat Baginda. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dihormati serta disayangi oleh semua lapisan masyarakat.

Semasa perayaan Pertabalan Seri Paduka Baginda tidak berapa lama dahulu, rakyat di Sabah merasa amat bertuah kerana berpeluang untuk mengadakan beberapa persembahan yang mendapat penghargaan para hadirin termasuk Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong telah mempesonakan rakyat yang sanggup berhujan dan berpanas di sepanjang perayaan itu. Temasya yang gilang-gemilang itu tentu akan kekal menjadi kenang-kenangan kepada kita semua sama ada yang menyertai perayaan tersebut atau hanya sempat mengikutinya melalui siaran-siaran Radio dan Televisyen Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira rakyat Malaysia di negeri Pahanglah yang paling bertuah dan beruntung. Negeri yang kaya raya itu tentu sahaja menjadi sanjungan, tumpuan dan perhatian umum kerana Kebawah Duli Tuanku adalah terkenal bukan sahaja di negara ini atau di rantau sebelah sini, malahan Seri Paduka Baginda adalah terkenal di seluruh dunia. Kepada rakyat Malaysia di seluruh negara, perlantikan Kebawah Duli akan membawa era baru terutama sekali di saat-saat negeri kita sedang maju membangun di semua bidang.

Kita memang beruntung mempunyai pemimpin-pemimpin khasnya Ketua Negara yang sentiasa mengambil berat tentang kebajikan rakyat. Negara kita tidak lama lagi akan melancarkan Rancangan Pembangunan Malaysia Keempat. Rancangan tersebut

begitu juga Rancangan Pembangunan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga akan membawa perubahan-perubahan dan perkembangan baru. Di bawah pimpinan seorang Ketua Negara yang dedikasi dan berpengalaman serta dengan usaha-usaha yang gigih dan berpadu dari rakyat jelata, kita berkeyakinan untuk bergerak maju dengan lebih pesat lagi.

Kepentingan negara dan kehendak ataupun keperluan rakyat adalah dijadikan asas pembangunan negara kita. Di bawah naungan Kebawah Duli Tuanku rakyat yakin masa hadapan negara ini akan lebih cerah dengan penuh kejayaan. Saya yakin semua rakyat mengalu-alukan perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan doa dan harapan serta taat setia yang tidak berbelah banagi terhadap Kebawah Duli Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi dengan ikhlas dan sukacitanya saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri iaitu:

Bahawa Dewan ini mengemukakan satu usul seperti berikut—

- (i) mempersembahkan suatu Ucapan Tahniah yang tidak sepertinya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'Adzam Shah, di atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong; dan
- (ii) mempersembahkan Lafaz Taat Setia Dewan ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan

Bahawa Dewan ini mengemukakan satu usul seperti berikut:

- (i) mempersembahkan Ucapan Tahniah yang tidak sepertinya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'Adzam Shah, di atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong; dan

- (ii) mempersembahkan Lafaz Taat Setia Dewan ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda.

USUL

JAWATANKUASA PEMILIH— PERLANTIKAN AHLI

4.57 ptg.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa Dewan Negara:

- (a) melantik Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain menggantikan Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin; dan
- (b) melantik semula Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam, sebagai ahli Jawatankuasa Pemilih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, Dato Haji Mohamed bin Nasir, iaitu:

Bahawa Dewan Negara:

- (a) Melantik Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain menggantikan Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin; dan
- (b) melantik semula Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam, sebagai ahli Jawatankuasa Pemilih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan Negara :

- (a) melantik Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain menggantikan Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin; dan
- (b) melantik semula Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam, sebagai ahli Jawatankuasa Pemilihan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

Bacaan Kali Yang Kedua

4.59 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan 1981, saya ada menyebut bahawa ekonomi Malaysia akan berkembang sebanyak 8% dalam tahun 1980 dari segi sebenar. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa berdasarkan kepada anggaran-anggaran terakhir, ekonomi negara dijangka akan lebih teguh dari yang telah diramalkan. Pertumbuhan dari segi sebenar sekarang ini akan melebihi 8%, terutama kerana permintaan dalam negeri yang bertambah banyak.

Kegiatan ekonomi dalam negeri yang begitu tinggi adalah banyak disebabkan oleh pertumbuhan yang kukuh dalam sektor-sektor pertanian, perkilangan dan pembinaan. Hal ini telah dapat melindungi ekonomi kita dari akibat kemerosotan di negara-negara perindustrian. Kekuatan ekonomi dalam negeri kita ini adalah terutama sekali disebabkan oleh dasar-dasar ekonomi yang praktikal dan rasional yang diamalkan oleh Kerajaan. Dan ini telah membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang bertambah besar.

Sungguhpun sektor awam akan terus diperkembang, mustahaklah juga sektor swasta terus berkembang supaya kadar pertumbuhan ekonomi dapat dikekalkan di peringkat yang tinggi dalam tahun 1981. Ini adalah perlu kerana kita tidak mengharap pertumbuhan di negara-negara perindustrian yang banyak berubah dari paras yang sangat rendah yang dialami pada tahun ini. Bagaimanapun, kita berharap negara-negara perindustrian, ter-

utama sekali Amerika Syarikat, akan melaksanakan dasar-dasar baru dalam pengurusan ekonomi masing-masing supaya pertumbuhan yang lebih tinggi dan inflasi yang agak sederhana dapat wujud kembali di negara-negara tersebut.

Oleh kerana sistem ekonomi kita terbuka, memanglah kita tidak dapat mengelakkan sama sekali dari kesulitan-kesulitan yang timbul dari luar negeri. Itulah sebabnya strategi Belanjawan 1981 telah dirancangan khusus untuk membantu menentang sebahagian dari kesulitan-kesulitan ini dan juga untuk mendorong ekonomi dalam negeri, ke arah :

- (a) mengekalkan pertumbuhan pada paras yang tinggi;
- (b) membendung inflasi dalam negeri supaya dapat; dan
- (c) memberi munafaat terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah. Yang saya maksudkan ialah pekebun-pekebun kecil getah, penanam-penanam padi, peniaga-peniaga kecil dan lain-lain.

Oleh itu, ekonomi Malaysia dalam tahun 1981 adalah dirancangan supaya terus bertumbuh pada kadar kira-kira 7% dari segi sebenar. Harga-harga pengguna mungkin meningkat sebanyak 7%, terutamanya kerana kenaikan harga-harga import, akibat tingginya kadar inflasi luar negeri dan beberapa kesulitan bekalan kerana meningkatnya permintaan dalam negeri disebabkan kenaikan pendapatan rakyat. Harga-harga barangan kita dijangka terus menggalakkan dan pendapatan eksport kita, terutamanya dari eksport minyak petroleum; akan membantu mengekalkan kekuatan imbalan pembayaran negara. Simpanan antarabangsa dijangka berada di paras yang tinggi dan ini akan menjamin ringgit kita akan terus kukuh dan stabil.

Berhubung dengan keadaan di luar negeri pula, suasana ekonomi dunia yang terus muram itu akan menjejaskan prestasi eksport kita. Bayaran import kita akan terus meningkat, kerana kita terpaksa mengimport lebih banyak lagi mesin-mesin dan kelengkapan-kelengkapan yang lain, dan juga kerana harga barang-barang import semakin tinggi. Selain dari itu, bayaran import perdagangan yang tidak ketara akan berterusan oleh kerana ekonomi kita terus bertumbuh,

pendapatan rakyat semakin meningkat dan masyarakat bertambah mewah. Tetapi hal ini memang sudah diagak bagi ekonomi yang pesat berkembang seperti negara kita. Walau bagaimanapun, kita berazam mempertegap dan menjamin kestabilan Ringgit kita. Jadi kita akan terus menggalakkan kemasukan pelaburan asing. Kita akan membiayai rancangan-rancangan pembangunan kita dengan meminjam seberapa yang dapat dari punca-punca rasmi atas syarat pinjaman jangka panjang, termasuklah kredit pembekal. Kita juga akan meminjam di pasaran-pasaran antarabangsa bila saja syarat-syaratnya menguntungkan. Simpanan antarabangsa kita sekarang ialah kira-kira \$10.6 ribu juta, iaitu cukup untuk menyelesaikan sebarang pembayaran untuk jangkamasa yang sederhana. Lagipun, kadar bayaran hutang kita di luar negeri adalah di antara yang terendah di dunia.

Pengurusan pembekalan wang adalah sebahagian mutlak dari Strategi Belanjawan seluruhnya. Pengalaman kita di masa lampau menunjukkan bahawa matlamat-matlamat pertubuhan ekonomi dapat dicapai jika kestabilan wang dapat diurus dengan baik. Perimbangan wang pada kadar 17% setahun dalam tempoh 10 bulan pertama tahun 1980, tidaklah menjadi punca tekanan inflasi. Apa yang lebih penting ialah kita telah berjaya mengekalkan Kestabilan wang kita dalam suasana kredit bank yang pesat berkembang. Dan Bank Negara tidak mengenaikan kungkungan kredit atau "credit squeeze" seperti yang diberitakan baru-baru ini. Kejayaan kita adalah disebabkan orang ramai berterusan menyimpan dengan kadar yang tinggi. Sehingga 22 November 1980, pinjaman-pinjaman bank telah meningkat hampir \$5.1 ribu juta tahun ini, iaitu kenaikan sebanyak 33%.

Tetapi dalam beberapa waktu ini, pihak-pihak bank tidak dapat meningkatkan peminjaman mereka kerana simpanan bertambah kurang, akibat kekurangan pendapatan eksport. Lagipun, kebanyakan bank sudah sampai ke batas keupayaannya memberi pinjaman. Jadi mereka sudah mula mempertegap atau mengkonsolidasi kedudukan mereka supaya orang ramai tidak kurang keyakinannya terhadap urusan perniagaan bank. Walau bagaimanapun, dalam segala hal, pihak-pihak bank sudah mula menumpukan perhatian terhadap kualiti jenis pinjamannya, menitikberatkan perkhidmatan mereka kepada

memenuhi keperluan kredit dari sektor-sektor yang diutamakan. Dan mereka juga berikhtiar mengelakkan daripada membiayai sebarang kegiatan yang boleh menggalakkan inflasi, termasuklah harga rumah yang meningkat.

Berhubung dengan inflasi, Kerajaan akan terus memberikan keutamaan kepada usaha membendung inflasi supaya paras pendapatan sebenar terutamanya bagi golongan-golongan berpendapatan rendah, terus dapat dikekalkan. Saya telah menerangkan dengan panjang lebar berbagai langkah belanjawan, kewangan dan pentadbiran dalam Ucapan Belanjawan saya pada 17hb Oktober 1980 ini sebagai tambahan kepada berbagai langkah yang telah dijalankan pada masa lalu untuk membendung inflasi. Sebahagian dari langkah-langkah tersebut termasuklah memberikan subsidi sebanyak \$1.4 ribu juta tahun depan untuk berbagai jenis barang. Ini termasuklah subsidi-subsidi ke atas pembelian padi secara kupon kepada penanam-penanam padi, subsidi kepada barang-barang makanan utama serta juga barang-barang petroleum. Dengan berbagai langkah yang telah dijalankan dan yang akan diadakan tahun depan bersama dengan langkah-langkah pentadbiran yang sedang diambil, saya yakin kenaikan-kenaikan harga akan dapat dibendung tahun depan.

Sebagai yang saya bayangkan dalam ucapan Belanjawan tempohari, Skim Pinjaman Istimewa untuk membantu peniaga-peniaga kecil yang layak mendapatkan kredit bank setakat \$50,000 tanpa cagaran, dan atas kadar faedah $7\frac{1}{2}\%$ setahun, akan dilancarkan pada 1 Januari, 1981. Segala persediaan sudah selesai untuk menjamin supaya Perbadanan Jamin Kredit akan menjamin pinjaman-pinjaman tersebut. Bank-bank perdagangan akan menerima rebate cukai yang sama nilainya dengan 2 titik peratusan ke atas tiap-tiap pinjaman yang diberikan di bawah Skim ini. Oleh kerana peranan mereka yang istimewa dalam masyarakat, sukalah saya menegaskan bahawa pihak-pihak bank wajiblah memastikan supaya peniaga-peniaga kecil mendapat peluang yang sama mendapatkan kredit, Mustahaklah bagi pihak bank-bank bersikap lebih sedia mengambil risiko dalam menilai pinjamin-pinjamin kecil di bawah Skim ini, dan janganlah mereka mencari helah, seperti kan supaya peniaga-peniaga kecil mendapat tak ada penjamin, untuk menutup peluang-peluang yang sama mendapatkan kredit, yang layak diberikan.

Maka sekarang terpulanglah kepada peniaga-peniaga kecil menggunakan peluang-peluang ini sepenuhnya untuk memperbaiki nasib mereka serta memperkembangkan perniagaan mereka sepenuhnya. Saya hendak menegaskan di sini bahawa pinjaman-pinjaman di bawah Skim ini tidaklah diberikan secara otomatik. Sungguhpun segala perniagaan yang layak akan dipertimbangkan, pinjaman-pinjaman akan diberi hanyalah kepada yang layak, yakni kepada perniagaan-perniagaan yang ada peluang berjaya. Kemudahan baru ini janganlah disalahgunakan. Sayugia di ingati bahawa pihak-pihak bank pun ada tanggungjawabnya untuk memelihara wang penyimpan, yang diamanahkan kepada bank.

Anggaran perbelanjaan untuk tahun 1981 yang dicadangkan ialah \$23,077 juta. Sejumlah \$14,600 juta akan diuntukkan bagi Perbelanjaan Mengurus dan sebanyak \$8,477 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan, termasuklah sebanyak \$800 juta bagi Simpanan Luar Jangka. Peruntukan yang dicadangkan bagi Perbelanjaan Pembangunan ialah setakat memenuhi pembiayaan "projek-projek yang tidak dapat disiapkan" dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan tambahan akan dibuat bagi projek-projek yang akan diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat pada tahun hadapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tekanan utama untuk mencapai objektif-objektif Belanjawan ialah peruntukan-peruntukan perbelanjaan. Sungguhpun penyesuaian hasil dan dasar kewangan adalah juga ditujukan untuk mencapai Strategi-strategi Belanjawan, tetapi ini hanyalah sebagai menambah serta memperkukuh lagi kekuatan dan kekesanan yang sudah sedia ada dalam sebarang Belanjawan.

Lagipun, peruntukan perbelanjaan Kerajaan nampaknya lebih berkesan dalam membasmi kemiskinan, di samping menguatkan lagi pertumbuhan ekonomi. Inilah sebabnya Belanjawan 1981 telah dirancang untuk terus berkembang, dan memberi munafaat khususnya kepada golongan-golongan berpendapatan rendah melalui langkah-langkah membasmi kemiskinan.

Sejumlah \$4,775 juta akan diuntukkan di bawah sektor ekonomi bagi Perbelanjaan Pembangunan. Daripada jumlah itu, \$3,797 juta adalah diuntukkan di bawah anggaran

pembangunan, terutamanya mengadakan projek-projek untuk membasmi kemiskinan. Dalam hal ini projek-projek untuk pertanian akan diberi keutamaan yang tinggi.

Sejumlah \$2,016 juta adalah diperuntukkan bagi sektor pertanian untuk anggaran mengurus dan pembangunan. Anggaran pembangunan sebanyak \$1,731 juta termasuklah \$696 juta untuk pembangunan tanah dan \$294 juta untuk projek parit dan taliair bagi menyediakan lebih banyak kawasan bercucuk tanam, terutama tanaman untuk eksport seperti getah, kelapa sawit dan koko.

Sejumlah \$1,291 juta adalah dicadangkan untuk sektor pengangkutan di mana sejumlah \$1,055 juta daripadanya adalah untuk pembangunan. Daripada jumlah yang diperuntukkan bagi pembangunan, sebanyak \$683 juta adalah untuk jalan dan jambatan dan ini termasuk \$305 juta untuk jalan-jalan luar bandar, \$150 juta untuk penerbangan awam, 147 juta untuk pelabuhan dan laut (marine) dan \$68 juta untuk keretapi.

Kerajaan akan terus berusaha untuk menambahkan kemudahan-kemudahan bagi Sektor Sosial untuk menyediakan dan memperbaiki keperluan-keperluan sosial terutamanya Pelajaran, Perubatan dan Perumahan. Dari jumlah sebanyak \$3,233 juta yang diperuntukkan untuk Pelajaran, kira-kira \$2,808 juta adalah bagi Perbelanjaan Mengurus dan \$425 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan. Peruntukan terbesar dalam Perbelanjaan Mengurus adalah untuk menemui keperluan bilangan pelajar-pelajar yang bertambah, perkembangan kemudahan-kemudahan pelajaran khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dan rancangan-rancangan latihan yang lebih giat bagi guru-guru. Peruntukan dalam Anggaran Pembangunan adalah untuk membiayai kos pembinaan tambahan bilik-bilik darjah, asrama-asrama, sekolah vokasional, maktab-maktab latihan guru dan mengembang serta meningkatkan mutu kemudahan-kemudahan pelajaran tinggi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Belanjawan 1981 ini menyediakan peruntukan perbelanjaan yang besar yang akan memberi munafaat secara langsung kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Sesungguhnya, banyak yang telah tercapai, terutama sekali dalam sepuluh

tahun yang lalu iaitu tempoh 1970-1980, iaitu dekad pertama rancangan Perspektif, 1970-1990 di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Langkah-langkah yang telah dijalankan untuk melaksanakan tujuan besar Dasar Ekonomi Baru, iaitu mengurang dan menghapuskan kemiskinan, kebanyakannya ialah dengan mengadakan Keperluan-keperluan Asas (basic-needs) untuk faedah golongan yang berpendapatan rendah. Usaha membasmi kemiskinan dan mengadakan Keperluan-keperluan Asas serta kemudahan-kemudahan yang lain untuk faedah golongan yang berpendapatan rendah, pada hakikatnya adalah sama. Ada juga orang, barangkali tidak sengaja, terkeliru kerana menganggap iaitu usaha-usaha pembasmian kemiskinan berlainan dari mengadakan Keperluan-keperluan Asas. Tetapi bagi mereka yang merasakan munafaat dasar-dasar sosio-ekonomi Kerajaan secara langsung, terutama sekali golongan yang berpendapatan rendah, memang cukup faham iaitu Kerajaan sebenarnya telah menggunakan Dasar Keperluan Asas sebagai jalan mengatasi soal pembasmian kemiskinan.

Biarlah saya huraikan sedikit bagaimana golongan yang berpendapatan rendah telah mendapat munafaat yang besar dari dasar Kerajaan hendak membasmi kemiskinan. Ini juga akan menunjukkan bagaimana dasar ini telah berjaya menemui keperluan-keperluan asas dan hasrat rakyat.

Misalnya, di sektor pertanian, pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam tempoh dekad periana itu telah membolehkan negara kita mencapai pertumbuhan pekerjaan pada kadar yang belum pernah tercapai iaitu 4.1% setahun. Ini telah menambahkan peluang pekerjaan sebanyak kira-kira 1,697,000 orang. Kadar kemiskinan telah turun dengan banyak, dari 49.3% dalam tahun 1970 kepada kira-kira 30.4% dalam tahun 1980. Ini adalah akibat perlaksanaan program-program pembangunan yang besar-besaran oleh Kerajaan melalui agensi-agensi seperti MADA, KEMUBU, FELDA dan FELCRA. Kadar kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil getah dan penanaman padi di Semenanjung Malaysia telah turun dari 65% dalam tahun 1970 kepada 43.5% dalam tahun 1980 bagi pekebun kecil, dan dari 88% dalam tahun 1970 kepada 69% dalam tahun 1980 bagi penanam padi. Kadar kemiskinan di kalangan

nelayan juga turun banyak iaitu dari 73% dalam tahun 1970 kepada 47% dalam tahun 1980. Akibat dari segala-galanya ini ialah golongan berpendapatan rendah telah dapat menambah pendapatan mereka.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum langkah-langkah fiskal dalam bidang percukaian merupakan salah satu dari alat utama bagi Kerajaan mencapai matlamat sosio-ekonomi. Bentuk-bentuk strategi yang akan diikuti bagi mencapai matlamat tersebut telahpun saya nyatakan tadi dan tidaklah perlu bagi saya mengulanginya.

Beberapa cadangan cukai dan galakan telah dikemukakan di dalam Belanjawan 1981. Penerangan penerangan lengkap mengenai langkah-langkah percukaian untuk mencapai matlamat-matlamat Kerajaan yang terbayang dalam strategi itu telahpun saya umumkan dalam Ucapan Belanjawan saya di Dewan Rakyat baru-baru ini. Oleh itu saya tidak bercadang menghuraikan lagi langkah-langkah percukaian yang dikemukakan kerana Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri boleh membuat rujukan kepada Ucapan tersebut.

Walau bagaimanapun mustahak juga saya menyentuh secara ringkas tentang galakan cukai dan bantuan kepada pengusaha-pengusaha kecil kerana Belanjawan 1981 memberi tekanan khas kepada golongan tersebut. Beberapa langkah fiskal telah dikemukakan dengan tujuan meluaskan peranan yang dapat dimainkan oleh mereka yang terlibat dalam perusahaan dan perniagaan kecil. Seperti saya katakan sebentar tadi, di samping mendapat pinjaman tanpa cagaran dengan dikenakan faedah yang rendah, mereka juga layak mendapat potongan dua kali atas perbelanjaan faedah bagi maksud kiraan cukai pendapatan mereka.

Peminjam-peminjam kecil juga diberi layanan yang istimewa berhubung dengan bayaran duti setem kerana kadar duti setem atas semua surat perjanjian dan dokumen berhubung dengan pinjaman yang tidak melebihi \$250,000 adalah dikurangkan daripada 0.5% ke 0.1% dan juga surat-surat perjanjian pajakan yang melibatkan sewa tahunan yang tidak melebihi \$2,400 setahun adalah dikesualikan. Pekilang-pekilang kecil yang membuat barang-barang yang dikenakan cukai jualan juga dibantu. Iaitu melalui langkah menaikkan had pengecualian cukai jualan

daripada jumlah jualan tahunan tidak melebihi \$20,000 ke \$100,000. Bagi mereka yang menerima bayaran upah, had pengecualian adalah dinaikkan daripada \$4,000 kepada \$20,000 setahun. Di dalam bidang cukai pembangunan pula, pengusaha-pengusaha kecil diberi galakan melalui tindakan menambatkan had pengecualian cukai pembangunan dari \$3,000 kepada \$5,000 untuk orang perseorangan dan juga rakan di dalam sesebuah perkongsian. Pekebun-pekebun kecil getah juga tidak ketinggalan, sebab mereka juga mendapat faedah dari pengujudan harga warta yang berasingan bagi tiap-tiap gred getah yang dieksport. Pekebun-pekebun kecil getah yang selalunya mengeksport gred RSS 3 dan setengah jenis SMR, sekarang ini membayar duti atas nilai getah gred RSS 3 dan gred SMR yang berkenaan, dan tidak lagi berasaskan gred RSS 1.

Dengan langkah-langkah yang dikemukakan seperti yang dinyatakan tadi saya berharap pengusaha-pengusaha kecil akan mengambil peluang ini untuk mengembangkan lagi perusahaan mereka dan seterusnya membuat sumbangan yang penting terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah ingat bahawa dalam Belanjawan 1980 saya telah mengemukakan satu konsep baru percukaian barangan utama eksport, di mana duti hanya dikenakan selepas kos, iaitu dikenali sebagai konsep "cost-plus". Saya juga telah menyatakan bahawa kos ini, yang digunakan bagi menentukan nilai permulaan bagi maksud mengirakan duti, akan dikaji dari masa ke semasa. Di sini saya suka mengumumkan bahawa kajian tersebut telah dijalankan, dan hasil dari kajian itu saya telah mengambil tindakan, mulai hari ini, menggunakan angka-angka kos baru untuk maksud pengiraan duti eksport atas barang-barangan utama eksport, iaitu getah, bijih timah, minyak kelapa sawit dan lada.

Bagi bijih timah angka-kos bagi menentukan nilai permulaan adalah dinaikkan daripada \$1,200 sepikul kepada \$1,400 sepikul. Nilai permulaan bagi kelapa sawit adalah diubah daripada \$500 se tan kepada \$580 se tan. Bagi lada hitam pula, nilai permulaan yang digunakan ialah \$170 sepikul berbanding dengan \$130 sepikul dahulu. Bagi lada putih, nilai permulaan baru ialah \$200 sepikul berbanding dengan \$160 sepikul yang digunakan dahulu. Dengan menggunakan

nilai permulaan ini, dan berasaskan kepada harga sekarang ini, pengeksport-pengeksport lada hitam tidak perlu membayar duti eksport, berbanding dengan \$89.11 sen satu tan duti yang kena dibayar berasaskan nilai permulaan yang lama. Bagi lada putih duti eksport yang perlu dibayar ialah \$33.58 satu tan berasaskan nilai permulaan baru, berbanding dengan \$149.66 satu tan jika duti itu dimulakan pada nilai permulaan yang dahulu. Saya berharap langkah ini akan dapat membantu peladang-peladang lada yang pada ketika ini memerlukan bantuan kerana kedudukan harga di pasaran dunia sekarang ini yang kurang memuaskan.

Bagi pengeksport-pengeksport getah pula, suka saya mengumumkan bahawa Kerajaan akan menggunakan, mulai hari ini, nilai permulaan yang berlainan ke atas getah gred yang baik seperti RSS 1 dan getah gred yang kurang baik seperti RSS 3. Tujuan Kerajaan mengambil nilai-nilai permulaan yang berlainan ke atas getah ialah untuk menolong pekebun-pekebun kecil yang kebanyakannya mengeluarkan getah jenis yang rendah grednya, di samping mengalami kos pengeluaran yang lebih tinggi. Mulai hari ini, untuk tujuan pengenaan duti, getah yang dieksport akan diperjeniskan di dalam dua kumpulan. Kumpulan pertama ialah getah gred RSS 1, SMR CV, SMR LV dan latex. Kumpulan kedua pula ialah getah gred RSS 2 RSS 3 dan lain-lain jenis getah melainkan air dried sheets dan masterbatch yang termasuk dalam kumpulan pertama. Bagi getah dalam kumpulan pertama, nilai permulaan yang digunakan ialah 65 sen sepau manakala bagi getah dalam kumpulan kedua, nilai permulaan ialah 70 sen sepau. Kerajaan akan mengalami kerugian hasil yang banyak akibat dari perubahan-perubahan ini. Tetapi langkah-langkah ini adalah difikirkan wajar oleh kerana ianya akan memberi munafaat yang banyak kepada pekebun-pekebun kecil getah yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang perkhidmatan kesihatan dan perubatan, bilangan pusat-pusat kesihatan luar bandar dan pusat-pusat kesihatan kecil, klinik, klinik-klinik bidan, klinik luar bandar bertambah sebanyak 50% dalam dekad tersebut. Kemudahan-kemudahan bagi pergigian dan poliklinik-poliklinik telah juga berkembang di pusat-pusat bandar dengan memberikan

perkhidmatan-perkhidmatan kepada golongan-golongan miskin di bandar. Berbagai kemudahan infrastruktur seperti pembaikan dan pembinaan jalan-jalan di luar bandar dan jambatan-jambatan, bekalan elektrik dan air, telah dijalankan dalam tempoh tersebut. Kira-kira 46% dari kawasan luar bandar telah menerima bekalan air bersih pada tahun 1980 berbanding dengan 39% dalam tahun 1970. Kawasan yang menerima bekalan elektrik meningkat dari 32% dalam tahun 1970 kepada 55% dalam tahun 1980. Selanjutnya lebih banyak rumah telah dibina khasnya untuk golongan berpendapatan rendah dan lebih banyak kemudahan pelajaran disediakan bagi berjuta-juta kanak-kanak kita dalam dekad tersebut. Belanjawan tahun 1981 adalah Belanjawan pertama bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME) di mana lebih banyak lagi langkah-langkah akan dijalankan untuk mencapai matlamat sosio-ekonomi. Satu bidang penting di mana inisiatif-inisiatif yang baru dan berkesan akan diambil bagi membekalkan kemudahan-kemudahan asas dan memecahkan masalah kemiskinan, ialah dengan memperuntukkan lebih banyak lagi rumah bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan sedang berdaya upaya untuk mencapai tujuan-tujuan Belanjawan, iaitu pertumbuhan ekonomi yang semakin meluas, membendung inflasi dan membantu pengusaha kecil dengan mengadakan Keperluan-keperluan Asas supaya dapat mengurang serta membasmi kemiskinan.

Seperti yang pernah saya katakan, Kerajaan tidak upaya membuat segala-galanya. Bahkan tidak ada Kerajaan yang upaya membuat segala-galanya untuk sekalian rakyatnya. Rakyat pun hendaknya janganlah mengharapkan Kerajaan menyediakan segala-galanya. Sebaliknya, rakyat harus sedia berikhtiar, bukan untuk Kerajaan, tetapi untuk faedah mereka dan masyarakat.

Berkat kekayaan ekonomi kita, kepimpinan politik yang bijak dan tegas, dan dengan keazaman hendak terus memaju dan modenkan negara, insya Allah, kita akan dapat mencapai kejayaan yang lebih besar, sekiranya segenap lapisan rakyat mengembeling tenaga dengan lebih tegas dan lebih

giat lagi dengan ikhtiar-ikhtiar Kerajaan ke arah mencapai taraf dan kualiti hidup yang lebih sempurna lagi bagi seluruh rakyat Malaysia yang dicintainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1981 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Mulia Raja Datuk Nong Chik.

5.51 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi. Saya fikir apa yang dilafazkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi adalah lengkap dalam segala-galanya baik dalam penghidupan hari-harian, baik di dalam pertahanan negara, pertanian, perusahaan dan juga membasmi kemiskinan. Dunia tahu iaitu Malaysia ialah sebuah negara yang cukup kaya, kita mempunyai segala-gala bahan-bahan mentah, di dalam bumi kita, di dalam laut kita dan juga bahan-bahan yang kita tanam untuk menjadi bahan-bahan mentah perkilangan.

Tuan Yang di-Pertua, kita ingat di waktu penjajahan dahulu Kerajaan Inggeris membelanjakan beratus-ratus million ringgit untuk pertahanan oleh kerana mempertahankan negeri ini kerana negeri ini sebuah negeri yang cukup kaya dan kakayaan Inggeris adalah datangnya terutama sekali daripada negeri kita. Apabila kita telah mencapai kemerdekaan, tentu sekali kita hendak membangun sebuah negara yang sihat, sebuah negara yang maju, progresif untuk kesenangan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu di dalam negeri yang begini kaya raya didapati rakyatnya banyak yang miskin. Ini adalah kesalahan Inggeris. Kita tidak mengatakan kesalahan ini

adalah kesalahan daripada kita oleh kerana kita baru lagi mencapai kemerdekaan, cuma 21 tahun yang lalu. Dalam tempoh 21 tahun inilah kita terpaksa membangun. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi segala-galanya kita terpaksa membangun di dalam tempoh yang cukup singkat, iaitu 21 tahun.

Kalau misalnya negeri ini macam Uganda, Abyssinia ataupun negeri ini macam lain-lain negeri, saya ingat pembangunan yang pesat ini tidak dapat kita jalankan. Sungguhpun begitu, saya hendak menerangkan kepada Dewan ini iaitu di dalam negeri yang kaya raya ini didapati ada kaum-kaum yang cukup miskin duduk di negeri ini, iaitu kaum bumiputra kita. 10 tahun selepas kemerdekaan, kita tak dapat menjalankan dasar yang kita kehendaki. Kita hendak bersuara, tenaga kita ada, kuasa kita ada, tetapi kita tidak menjalankan. Ini saya rasa pelik sedikit. Tetapi selepas 10 tahun yang pada masa itu kita ingat kita sedar yang bumiputra ini cuma mempunyai 2% sahaja kekayaan iktisad dalam negeri ini, iaitu pada tahun 1969-1970 kita baru sedar daripada mimpi kita. Tujuan kita untuk mencapai kemerdekaan itu baru kita sedar apa tujuannya untuk mencapai kemerdekaan, ini untuk pengorbanan kita. Berapa banyak orang kita yang mati melawan penjajah tetapi apa hasilnya? Inilah tujuannya untuk kita merdeka dan berapa orang kita yang menjadi Ahli Parlimen, menjadi Menteri, ini sahaja tujuan kita. Bagaimana rakyat yang miskin, terutama sekali bumiputra ini yang dikatakan pada masa itu cuma mempunyai 2% sahaja iktisadnya dipegang oleh bumiputra. Ini yang dikatakan Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru ini bukan untuk mencengkam bangsa asing, bukan untuk menekan iktisad bangsa asing, tetapi untuk mendapat lega sedikit, bumiputra ini dapat kemewahan sedikit dalam negeri yang merdeka dan berdaulat, bukan kerana hendak merampas.

Saya mengatakan begini saya bawa surat-khabar sebegini. Selepas kemerdekaan, mengikut Perlembagaan kita, tidak boleh sekali-kali kita merampas hak sesiapa, tak ada saya ingat, kalau adapun barangkali orang itu Kerajaan boleh tangkap kerana melawan Perlembagaan. Tetapi 10 tahun selepas tahun 1970, dahulu dikatakan orang Melayu (bumiputra) ini malas, dikatakan bumiputra

ini sudah makan sepinggan satu hari, dapat baju, kain, sudah cukup, tidak hendak apa-apa, dapat mengaji, sembahyang lima waktu sehari semalam, ada yang tak sembahyang pun, sudah cukup tetapi pada hari ini kami sudah sedar. Bumiputra, baikpun di Sabah, di Sarawak, baikpun di Tanah Melayu sedar iaitu kami juga mahu kemajuan.

Saya percaya Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mengadakan segala-gala ini ada sebabnya, iaitu untuk meninggikan taraf hidup bumiputra ini seperti infrastruktur di kampung-kampung misalnya di mana pada masa dahulu tidak ada parit-parit taliair, kita menantikan cuma hujan dari langit. Sekarang ada peruntukan untuk parit dan taliair dan empangan-empangan untuk bumiputra ataupun lain-lain selain daripada kita dapat mengecap segala perkhidmatan ini, jalan-jalan ke kampung-kampung, elektrik ke kampung-kampung dan segala-gala kelengkapan-kelengkapan yang diberi itu untuk di kampung-kampung, tetapi ini terserahlah kepada bumiputra ini juga. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan ini terpulang kepada kita sendiri. Jikalau kita hendak malas juga, jikalau kita tak sedar juga, maka bangsa Melayu (bumiputra) takkan hidup selama-lamanya.

Di dalam negeri yang kaya-raya yang pepatah Melayu mengatakan; di dalam padang yang begitu banyak rumput hidup seekor lembu tetapi lembu itu kurus, lembu itu berpenyakit, lembu itu tinggal tulang sahaja sebab salah lembu itu, begitu banyak rumput dia tidak hendak makan rumput itu kerana dia malas hendak pergi ke tempat lain, boleh jadi oleh kerana lembu itu tertambat di satu tempat. Jadi kalau misalnya bumiputra dalam negeri ini tidak sedar maka dia terpaksa tinggal di belakang sebab kemajuan tidak akan menunggu sesiapa. Dalam pepatah Inggeris mengatakan iaitu ombak tidak akan menunggu sesiapa, masa tidak akan menunggu sesiapa, orang Melayu atau bumiputra mestilah maju ke hadapan jikalau hendak maju.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya rasa tersinggung sedikit iaitu di dalam beberapa bulan ini kita baca surat-khabar. Dalam surat-khabar *The Star* disebutkan, dengan izin:

"Heated debate expected at the MCA Seminar Petaling Jaya, November 22nd 1980."

Di sinilah Barisan Nasional Petaling Jaya yang dipimpin oleh Yoke Foo San dan lain-lain ada ditanya:

“Questions will be raised at the implementation of the NEP; whether the non-Malays will achieve 40% of the economic cake stated in the NEP? The answer to this question depends on how the Chinese go about facing the challenges in the next ten years.”

Dan di sini:

“We are concerned with the unfair implementation of the New Economic Policy, said Engineer Lee Cheng Tat, a participant.”

Ini menjadi dasar negara iaitu tidak kira siapa, kita hendak meninggikan taraf hidup, Menteri-menteri tidak pernah mengatakan ini untuk orang Melayu sahaja, kita sudah beri, katakan orang Melayu pada hari yang akan datang di dalam tahun 1990 ada 30% hak orang Melayu, orang Cina dan orang India mempunyai 40% dan orang asing boleh mendapat 20%. Bukankah ini kita tidak ada hak, tidak ada syak dan waham, tentulah bumiputra oleh kerana 2% pada tahun 1970 iktisadnya, dengan sebab itu diadakan Bumiputra Kongres. Ini yang ditakuti, Bumiputra Kongres ini ditakuti, the result of Bumiputra Congress yang ditakuti. Apa yang akan dibuat, adakah bangsa asing ini akan dikorbankan? Ini ditakuti, tetapi Kerajaan telah membuat jaminan-jaminan dan jaminan-jaminan ini telah dibuat dan pihak-pihak yang saya katakan tadi telah memanggil Timbalan Perdana Menteri, berdialog dengan Timbalan Perdana Menteri kerana dia waswas, beberapa kali dikatakan tetapi masih takut lagi. Sepatutnya sebagai bumiputra, kami yang takut sebab kami tinggal di belakang—ini saya tidak hendak mengeluarkan apa-apa, berapa banyak kedai yang kita boleh kira di Kuala Lumpur, berapa banyak kedai ada di Kuala Lumpur kepunyaan bumiputra? Di Sabah dan Sarawak lebih jauh ke belakang. Kita boleh kira tidak ada apa-apa yang kita ada.

Yang kita ada empat hingga sepuluh kerat bumiputra yang maju, ini yang ditakuti! PERNAS, MARA, UDA yang mengambil saham-saham, ini ditakuti. Ini saham UDA, saham PERNAS, adakah UDA hendak beri kepada orang Melayu, adakah saham PERNAS, hendak diberi kepada orang

Melayu jikalau tidak ada kekuatan kewangan (buying power) orang Melayu hendak membeli, apa yang hendak dibuat 10 tahun yang akan datang? Inilah yang kita memikirkan orang Melayu terpaksa bekerja kuat. Itu sebab dikatakan untuk mendapat pelajaran sekolah dibuka banyak-banyak, sekolah dibuat banyak-banyak supaya anak-anak Melayu—bumiputra dapat bersekolah, dengan adanya pengetahuan di otaknya dia boleh dapat kerja yang baik-baik, dapat bekerja di kilang-kilang dan sebagainya, ini yang ditakuti.

Begitu juga dari segi kesihatan supaya mereka ini jangan makan ubi lagi supaya ada pusat-pusat kesihatan di sana sini. Di situ anak-anak sekolah diberi makanan dan sebagainya, ini tanggungan Kerajaan supaya mereka sihat, otak mereka pun sihat juga. Ini semua untuk menolong bumiputra supaya mereka ini ada tenaga untuk bekerja dengan mereka sihat, otak mereka pun sihat juga. Ini adalah malas. Hari ini kalau badannya sihat mereka tidak akan malas lagi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali—ini saya hendak mengatakan bukan saya anti sesiapa, tidak, tetapi percakapan ini adalah dari hati ke hati supaya perkara ini jangan timbul lagi sebab kami yang masuk dalam Bumiputra Kongres tempoh hari, kami berasa apa yang kami buat, apa yang kami telah buat, apa yang disyorkan, apa yang diwahamkan? Timbalan Perdana Menteri mengatakan berapa banyak pun bumiputra minta kalau Kerajaan tidak hendak beri apa hendak buat? Ini cuma cadangan sahaja, melaunglah kami tetapi kalau Kerajaan tidak hendak beri apa hendak buat, cuma laungan sahajalah yang kita boleh di dalam negeri yang demokrasi ini. Kita laungkanlah apa yang kita suka tetapi orang-orang lain mesti mengerti dalam Kongres kita membuat laungan oleh kerana kita fikirkan ini mesti didengarkan oleh Kerajaan sebab kami yang mundur sekali. Itu sebabnya di dalam perkara ini saya minta kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab supaya perkara ini jangan sekali-kali ditimbulkan oleh kerana kalau ditimbulkan maka perkara ini nanti tidak baik akhirnya.

Selain daripada itu, di sini berkenaan dengan perkara ugama, ugama di dalam negeri ini apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi di dalam Perlembagaan mengatakan ugama negara adalah bebas.

siapa pun boleh menganut agama apa pun. Ini tidak menjadi soal. Sebab apa, kita fikirkan siapa hendak menganut—kalau tidak percaya kepada agama pun tidak menjadi hal, tetapi satu perkara, agama Islam adalah menjadi agama rasmi negara ini. Ketua-ketua agama kita yang di tiap-tiap negeri ialah Sultan-sultan dan kita tidak mahu sesiapa juga mencerca agama Islam dan kita tidak mahu mencerca agama lain.

Ini adalah penting oleh kerana kita hendak perpaduan di antara rakyat. Baru-baru ini semua tahu—tidak payah diterangkan, ada sebuah suratkhbar bernama *Tamil Malar*, Sunday, November, 30 mengatakan pengajaran Islam adalah pengajaran palsu. Berani suratkhbar ini mengatakan pengajaran Islam adalah pengajaran palsu di dalam negeri kita yang berugamakan Islam yang Raja-raja kita juga adalah ketua-ketua agama tiap-tiap negeri. Saya minta kepada pihak yang berkenaan, Kementerian berkenaan bukan sahaja untuk menarik lesennya tetapi orang itu yang tahu segala Perlembagaan negara ini, editornya, ownernya yang tahu Perlembagaan negara ini, orang ini sepatutnya ditarik warganegara— ini tidak kena-mengena dengan sesiapa tidak kena mengena dengan orang India, tidak, orang India banyak, orang India ini boleh dikatakan semuanya percaya kepada agama bebas di Malaysia tetapi di *Tamil Malar*, ini mesti dimengertikan, bukan mengatakan kepada orang India, tidak. *Tamil Malar* itu Editornya ditarik warganegaranya newspapernya ditutup habis-habis tidak boleh diberi lesen lagi, biarlah dia pergi menyembah melutut kerana membuat salah yang besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kalau misalnya orang yang beragama Islam tidak sabar, kalau tidak berhati waras sedikit macam mana yang telah berlaku barangkali di Pulau Pinang pada hari itu, itu belum lagi orang Melayu keluar, orang India Muslim yang keluar beramai-ramai berarak menunjuk perasaan, tetapi UMNO diam tak ada reaksi lagi, belum lagi tetapi kalau ini tidak dijaga, kalau perkara ini berlaku terus akan menjadikan huruhara di negeri ini. Itu sebabnya orang ini mestilah diambil tindakan yang sekeras-kerasnya supaya menjaga keselamatan dalam negeri kita ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh perkara yang lain iaitu apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh bahawa negeri kita ini berkehendakkan pelaburan asing ke negeri kita oleh kerana negeri kita adalah satu negeri yang stabil, negara kita satu negara yang maju barangkali antara lima negara ASEAN, saya yakin dan percaya negara kitalah negara yang semaju-majunya. Ini bukanlah kerana pujian semata-mata tetapi saya sudah tengok baik di Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura pulaunya kecil sahaja, tetapi negeri kita ini adalah satu negeri yang cukup kaya, negara kita boleh dibanggakan. Dengan sebab itu saya minta kepada pihak Kerajaan pada masa akan datang segala bahan mentah negara kita, bukan sahaja kita proses getah itu ke kilang kemudian kita kepingkan, kita hantar keluar negeri atau minyak kelapa sawit cuma kita proses sedikit sebanyak tetapi hendaklah kita hantar keluar negeri ataupun kayu balak kita hantar sawn timber, kita hantar keluar negeri, ataupun lada hitam dan lada putih kita jual, proses sedikit sebanyak tetapi hendaklah kita proses di dalam negeri kita sendiri dengan joint-venture dan technical know-how daripada luar negeri. Sebab ini akan memberi pekerjaan lebih banyak lagi kepada kita. Misalnya, fekteri tayar yang ada dua tiga di sini tak cukup lagi, kita boleh membuat lebih banyak lagi fekteri tayar, tubes dan sebagainya. Boleh kita proses dalam negeri. Begitu juga daripada minyak kelapa sawit banyak yang boleh kita jalankan supaya mendapatkan magerin dan lain-lain pengeluaran daripada bahan mentah ini. Ini yang kita minta dan juga kita berharap di dalam rancangan-rancangan FELDA misalnya bukan sahaja kita berkehendakkan orang Melayu ataupun peserta-peserta dalam FELDA untuk mengambil buah kelapa sawit kemudian dihantar ke kilang. Itu sahaja. Kita berkehendakkan setiap peserta di situ ada saham, ada hak di dalam fekteri itu. Kita berkehendakkan mereka yang menghantar kelapa sawit ke fekteri itu berbangga menghantar hasilnya, bukan sahaja menjual kelapa sawit berapa kilo beratnya, tetapi apabila dia masuk ke kilang dia bangga, apabila keluar minyak kelapa sawit itu, dia juga ada saham di dalam kilang-kilang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kemukakan perkara ini dan saya minta pihak Kerajaan untuk menegokkan supaya peserta-peserta FELDA itu dapat saham di dalam kilang-kilang FELDA itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal perindustrian kita pada hari ini hanya merupakan perindustrian kecil-kecil sahaja. Saya tahu iaitu apabila tadi disebut dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh, Menteri Kewangan mengatakan kita tak usah bandingkan dengan negeri Jepun, sebab negeri Jepun sungguhpun semasa Perang Dunia Kedua hancur lebur, langsung tak ada apa pun kita nampak, jadi rata, dan boleh dikatakan ekonominya jahanam betul-betul, tetapi oleh kerana pelajarannya dan cekap menjadi bahan kekuatannya, mereka telah maju. Itu tak usahlah dibandingkan dengan negeri Jepun. Kalau saya bandingkan dengan negeri Jepun nanti dikatakan oleh sebab Jepun ada pengetahuan yang lebih dalam teknologi tetapi kita cuba bandingkan dengan orang-orang yang telah dijajah oleh Jepun selama 50-60 tahun iaitu orang Korea. Kita tengok pembangunan di Korea, tak payah kita cakapkan panjang lebar, malam tadi saya tengok di TV, mereka membuat trektor, kilang besi dan berbagai kemajuan yang telah dicapai dalam tempoh singkat, sedangkan selepas peperangan South Korea itu atau bandar Seoul itu telah hancur betul-betul. Ini juga oleh kerana adanya pengetahuan yang betul dikalangan orang Korea itu yang berminat untuk meninggikan taraf hidup mereka dan belajar dengan bersungguh-sungguh dapat mendirikan kilang-kilang yang terbesar sekali.

Di negeri kita ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu seperti yang diberikan dalam taklimat sedikit sebanyak daripada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh iaitu kita dapat minyak di Pantai Timur di Trengganu. Di situ terdapat sumber-sumber tenaga dan barangkali kita boleh mendirikan kilang-kilang yang besar iaitu kilang-kilang yang dikatakan kilang berat di mana pekerja-pekerja terutama rakyat di Trengganu yang pada masa dahulu tidak pernah mendapat kemewahan dapat sedikit sebanyak atas kemewahan itu, dapat mereka kecapi selepas kita mencapai kemerdekaan. Oleh itu kita tidaklah boleh mengatakan Malaysia tidak boleh buat begitu, kita boleh mendapatkan

kepakaran teknik daripada luar, kita boleh beli kepakaran teknik itu, kita boleh bawa masuk mereka ke dalam negeri kita, kita bayar berapa harganya, dan di dalam tempoh 5 tahun barangkali anak-anak kita, anak-anak orang Malaysia sudah pandai dan pakar-pakar teknik itu bolehlah balik ke negeri masing-masing. Dengan cara ini, Tuan Yang di-Pertua, kita ingin juga, sungguhpun kita telah maju dan saya tidak bermaksud mengatakan negara ini tidak maju, tetapi sebagai warganegara Malaysia ini kita hendak lebih maju lagi, kita berkehendakkan rakyat lebih maju dan mewah lagi. Itulah sebabnya pandangan ini dikeluarkan, bukan kerana kita fikirkan negeri sudah maju, sudah memuaskan, tetapi kita berkehendakkan macam di negeri Jepun selepas pemerintahan Meiji, di dalam tempoh 20 tahun Jepun boleh mengalahkan Russia, begitu sekali kemahuan mereka itu, dan begitu juga kemahuan kita supaya rakyat Malaysia boleh juga maju macam orang-orang Jepun itu. Itu yang kita kehendaki, semangat kita maju, lebih-lebih lagi pada masa sekarang untuk mencapai kemajuan negeri ini.

Begitu juga kita lihat kemajuan negeri lain macam di Taiwan, kita tengok bagaimana semangat orang di Taiwan sungguhpun mereka tak ada apa-apa bahan mentah, langsung tak ada pengeluaran minyak dan sebagainya tetapi negerinya lebih maju lagi, lebih elok lagi. Jadi kita berkehendakkan begitu jugalah negeri kita. Ini kemahuan rakyat iaitu bukanlah semata-mata mengkritik Kerajaan, kita berkehendakkan kemewahan rakyat kita dan bangsa kita lebih maju lagi. Sebab itu saya katakan ini bukanlah hendak mengkritik sesiapa, tetapi adalah untuk negara supaya dapat lebih maju lagi kemewahan di negara kita.

Kita ingat juga seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh tadi iaitu berkenaan dengan membasmi kemiskinan. Itu memang betul, saya memang selalu sahaja menyebutkan di sini berkenaan dengan kemiskinan. Walau bagaimanapun, banyaknya kilang-kilang atau bilangan orang-orang yang kaya di negeri ini, katalah, 20% orang kaya, tetapi kalau 80% orang miskin, pada satu hari kelak negeri ini tidak boleh jadi negeri yang aman. Dengan sebab itu membasmi kemiskinan adalah penting. Saya tadi telah menyatakan iaitu peluru, bom,

senapang, meriam, brengun, stengun, kapal-terbang dan sebagainya tidak boleh membunuh fahaman komunis tetapi yang boleh membunuh komunis iaitu usaha membasmi kemiskinan dengan jalan membangunkan rumah, bahan makanan dan pakaian, ada klinik, ada sekolah seperti mana yang kita buat sekarang. Ini yang boleh membasmi kemiskinan. Lihatlah macam mana kejadian di Kedah iaitu pengaruh hasutan komunis dan begitu juga kejadian di Baling dan sebagainya dengan hasutan-hasutan itu rakyat jadi terpedaya. Beginilah usaha-usaha Kerajaan, sebab itu kita sekarang ada kesedaran membasmi kemiskinan adalah penting kepada semua orang, kepada semua rakyat.

Jadi kalau begitu, maka apa yang kerajaan buat pada hari ini adalah betul iaitu membasmi kemiskinan dengan mengadakan lebih banyak rumah-rumah, itu sebabnya saya minta kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, Tengku Tan Seri Razaleigh Hamzah untuk membasmi kemiskinan ini, begitu juga mengadakan klinik dan sebagainya. Tetapi untuk membasmi kemiskinan ini bukan kepada satu pihak sahaja bahkan pegawai-pegawai Kerajaan juga mesti menjalankan kewajibannya dengan betul-betul jujur dan ikhlas selain daripada Wakil-wakil Rakyat.

Cuba kita tengok dalam Rancangan Malaysia Ketiga berapa banyak kerja-kerja yang tergendala dan Yang Berhormat Menteri-menteri terpaksa memberitahu dan mempertahankan pegawai-pegawainya dengan mengatakan pekerja tidak cukup, itu dan ini. Sekarang ini kita tidak mahu soal itu lagi, jikalau telah diberi peruntukan kewangan dan sebagainya untuk menjalankan kerja dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat, maka kerja itu mesti dijalankan untuk kebaikan seperti yang saya katakan tadi iaitu untuk membasmi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita tengok masalah perumahan di Kuala Lumpur di mana terdapat lebih kurang 360,000 orang yang hidup dalam kemiskinan tidak kira apa bangsanya yang datang dari luar bandar masuk ke bandar. Mereka ini bekerja di kilang-kilang, jikalau mereka tidak ada, kilang tidak boleh berjalan kerana infrastruktur ada di bandar-bandar. Ini adalah kesilapan kita kerana meletakkan kilang kilang seperti di Batu Tiga, Petaling Jaya dan tidak meletakkan di Kelantan dahulu.

Kita tidak meletakkan di Trengganu oleh sebab politik kita pada hari itu maka perkara ini tidak dapat dielakkan, di Kedah, di Perlis, di Pahang dan sebagainya. Tetapi concentratannya hanya satu tempat sahaja iaitu di Petaling Jaya dan orang kita pun tidak dapat bekerja banyak kalau di Batu Tiga sahaja, jadi pada hari ini kita terpaksa meletakkan di tempat yang lain-lain misalnya di Kelantan, di Kuala Krai, di Gua Musang, di Trengganu, di Tembeling, Pahang dan sebagainya supaya dapat orang kita bekerja di sana dan jangan betrumpu kepada satu tempat sahaja. Jika kita tengok di Kuala Lumpur berapa ramai orang yang meleset hidupnya di mana di situlah hasutan-hasutan komunis ini akan meersap kepada 360,000 yang menderita. Memang betul selama beberapa tahun sejak kita merdeka iaitu kira-kira 23 tahun lamanya hanya didirikan beberapa buah flats sahaja, perkara ini dibuat cuma kata pepatah Melayu: melepaskan batuk di tangga. Ada dibuat flat tetapi berapa buah sahaja dan tidak dibuat betul-betul seperti yang kita rancangkan di dalam Rancangan Malaysia dengan menumpukan berjuta-juta ringgit untuk mendirikan flat-flat ini. Tetapi dahulu bagaimana? Kita tidak boleh mengatakan "Rome was not built in one day". itu kita faham, tetapi hendaklah beransur-ansur dan hanya didirikan seperti Sulaiman Court Flats dan beberapa buah sahaja. Cuba kita tengok di Sungai Besi, di Cheras dan lain-lain tempat, bukankah kita mempunyai pembangunan yang di jalankan oleh swasta—itu saya tidak nafi. Tetapi swasta, Tuan Yang di-Pertua, dia menilai tanah \$6—\$10 satu kaki, link houses sekarang berharga sehingga \$180,000, jadi bagaimana buruh yang bekerja dengan mnedapat gaji \$250 sebulan boleh membeli rumah-rumah begitu tidak dapat, tanah di Kuala Lumpur pula macam emas harganya.

Di Wilayah Persekutuan ini terpaksa Kerajaan memikirkan pada hari ini dan ditengokkan kerana saya sudah beberapa kali mengatakan tanah-tanah masih luas lagi di sekeliling Kuala Lumpur, bila saya mengesyorkan supaya Kerajaan beli estet-estet yang ada di tepi Kuala Lumpur, tetapi sekarang sudah dekat hendak habis estet ini dibeli oleh pemaju perumahan kerana Kerajaan terlampat. Kalau saya bertanya jawabnya: Oh!

tidak boleh dibeli oleh kerana dalam Perlembagaan mengatakan tidak boleh oleh kerana ini hak orang. Tetapi di dalam Land Code mengatakan iaitu boleh kita ambil jikalau ini for public purpose, boleh dibeli, ini bukan untuk saya dan bukan untuk Menteri Kewangan atau Tuan Yang di-Pertua, tetapi untuk orang miskin—for public, boleh kita beli pada hari ini, dengan sebab itu kita terpaksa bersiap sedia sekarang, kalau boleh kita adakan satu peruntukan untuk membeli tanah-tanah di sekeliling Kuala Lumpur dan mendirikan flat-flat dengan harga yang cukup murah supaya dapat rakyat jelata yang miskin duduk di tempat-tempat ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kewangan kerana saya difahamkan sebelum membuat budget ini memanggil beberapa orang dan menengok sendiri keadaan apa yang telah terjadi, dengan sebab ini perkara ini telah dilakukan. Tetapi dahulu tidak begitu membuat sesuatu mengikut kepandaian seseorang sahaja dan dia terus melaksanakan dengan sebab itu saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan iaitu Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh di atas perkara ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi berkenaan dengan gula sebab perkara ini adalah penting kepada kita. Kalau kita tengok dalam televisyen pada hari ini "Jangan makan gula banyak-banyak", dahulu "makanlah gula banyak-banyak", sekarang kalau makan banyak nan'i sakit. Nasihat doktor pula tidak begitu, mesti makan gula untuk memanaskan badan, kalau tidak begitu tenaga tidak ada. Ini dinasihatkan pula supaya jangan makan banyak dengan menunjukkan sudu dan berapa sukatnya, jadi tidak ada shortage gula ini—ini semua tidak ada dan mengatakan jangan, jadi ubat pula. Jadi saya mintalah kepada Menteri Kewangan diberi perhatian perkara ini kerana saya telah bertanya pada masa dahulu ada dibuat apabila gula merah (raw sugar) mahal harganya, jadi dishipkan ke Pulau Pinang ataupun ke Port sana, oleh kerana re-ship ke lain tempat, jadi harga gula di tempat itu mahal dan kita tuduhlah yang si A, si B dan si C ada membuat perkara ini. Ini saya mintalah disiasat betul-betul supaya jangan apabila harga telah dinaikkan daripada 75 sen sekati pada hari ini dinaikkan kepada \$1.00 nanti banyak gula melambak-lambak

terdapat di pasaran kita, oleh kerana mereka ini pandai. Begitu juga berkenaan dengan simen dan sebagainya. Dia rosakkan enjinnya, hendak cuci enjinlah dan macam-macam lagi kilang-kilang ini buat. Beginilah pandainya orang-orang yang menjalankan perkilangan ini sebab hendak menantikan harga tinggi, bermacam-macam pula cara yang dibuatnya.

Hari ini diminta harga simen mesti dinaikkan. Apabila harga simen melambung tinggi, rumah-rumah pun makin naik dan terus naik. Jadi ini saya harap berkenaan dengan gula ini oleh kerana ini adalah penting juga kepada kehidupan rakyat terutama sekali rakyat miskin; kepada rakyat yang mampu harga melambung pun tidak kira. Dengan sebab itu harga ini mestilah ditengokkan oleh Kerajaan sebab pada tahun 1976 dahulu harga gula kita buat kontrak dengan Australia dan Fiji. Apabila kita tanya di sini mengatakan kita telah buat kontrak sebab itu kita tidak boleh turunkan harga gula. Tetapi pada hari ini kontrak kita masih berjalan lagi, jangkanya harga gula kita tidak boleh tinggi macam hari ini. Ini juga satu soal; bukan kepada saya tetapi ini adalah rakyat yang menyatakan.

Ada suratkhobar di sini, saya tunjukkan bagaimana mereka mengatakan Kerajaan buat janji palsu. Saya bacakan, Tuan Yang di-Pertua, dari suratkhobar *The Malay Mail* 22hb Oktober, 1980—minta maaf, saya bacakan dalam bahasa Inggeris—Sugar Hikes and Broken promises:

"The Consumer's Association of Penang yesterday criticised the Government for breaking its promise to consumers that sugar prices will remain constant at least until 1983".

Dituduhnya Kerajaan dengan broken promises. Dia menyatakan di sini:

"Up to October last this trend was maintained and when the Parliamentary Secretary to the Trade and Industry Ministry, Encik Abu Hassan bin Omar told Parliament that Malaysia's sugar contract with Fiji and Australia had been negotiated in 1970 and ended in 1983".

Jadi ini yang dituduhnya kepada Kerajaan kita hari ini. Kerajaan kita terpaksa menjawab atas perkara ini apa sebab musababnya. Kontrak ini kontrak dahulu juga, kalau kontrak

baru dibuat, itu tidak menjadi hal. Adakah ini untuk mengayakan kilang-kilang gula di Prai, rakyat yang lain hidup menderita, adakah begitu kita hendak buat?

Saya yakin dan percaya bagi pihak Kementerian yang bertanggungjawab menengokkan perkara-perkara yang seperti ini supaya jangan berlaku lagi oleh kerana kalau hendak dijawab sahaja macam-macam boleh jawab; Menteri boleh jawab macam-macam. Kalau kita cakap pun dia jawab, kita tidak boleh bertengkar dengan Menteri sebab itu diam-diam sahajalah.

Selain daripada itu satu perkara lagi, saya hendak bercakap panjang sedikit sebab saya ini besok sahaja umur saya habis, jadi hendak mati ini memanglah hendak merepek sedikit, terpaksa sabar sedikitlah. Di dalam perkara yang dikatakan perindustrian dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua, di sinilah yang saya kurang faham. Kita berkehendakkan pakar-pakar asing masuk ke negeri kita. Kementerian Perdagangan kita berkehendakkan pakar-pakar, begitu juga Menteri-menteri kita hendakkan pakar-pakar asing untuk dibawa ke sini, tetapi untuk membawa pakar-pakar asing ini ke negeri ini cukup susah, 6 bulan pun payah mendapat. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mestilah menengok di atas perkara ini, jangan bercakap lain dibuat lain. Melalui pengalaman saya, bukan main susah, macam-macam dikehendaki, hendak pula laporan polis. Kalau pakar-pakar luar negeri itu susah diberi nama hendak dihantar kepada polis. Polis pula entah berapa bulan disiasat, baru bawa ke sini, jadi macam mana keadaan ini. Kalau kita sudah tetapkan masanya, pakar ini mesti datang.

Kalau tidak begitu, kilang tidak boleh berjalan, tidak boleh lambat-lambat. Beginilah apa yang telah terjadi kepada perusahaan-perusahaan kita. Di satu nada kita mengatakan: marilah tanam modal di negeri kita, tetapi di satu nada cukup susah. Dikatakan kita hendak buat tapak-tapak perusahaan di seluruh negara kita supaya bila orang datang—"Nah, ini dia tapak perusahaan \$4 satu kaki persegi, hendak 10 ekar ambillah." Bukan senang begitu, kalau lambat 1-2 bulan tidak apa hal, tetapi bertahun-tahun. Cuma Johor sahajalah senang sedikit, barangkali dalam 1-2 bulan boleh dapat tetapi lain tempat cukup lambat menanti bertahun-tahun. Exco bermesyuarat entah bila-bila tidak tahu, State Exco asyik pergi ke luar

negeri, mesyuaratnya tidak ada, orang pun naik pelik. Oleh sebab tanah kepunyaan State, Federal tidak ada kuasa jadi State buat apa dia suka. Federal juga mengatakan begitu. Sebab itulah mesti ada kerjasama di antara State dengan Federal. Tentukan betul-betul bila hendak mendirikan perusahaan, misalnya berkehendakkan supaya tidak ada conditions, apa pun perusahaannya boleh atau tidak didirikan; adakah 30% hak bumiputra di dalam perusahaan itu—diberi sahaja tanah itu untuk hendak melekaskan. Begitu kalau hendak maju tetapi ini tidak.

Satu lagi duit tertanam begitu sahaja. Kalau kita jual tanah itu \$4 satu kaki persegi, misalnya kalau \$40,000 satu ekar barangkali kalau 4 ekar sudah hampir \$160,000—ini membazir sahaja. Katalah 8% mengikut bank rate, berapa banyak wang yang membazir. Mereka tidak kira ini, sebab itu pegawai-pegawai Kerajaan dan Exco negeri mestilah sedar atas perkara ini.

Jikalau Menteri-menteri Besarnya dipanggil oleh Minister of Land and Mines, beritahulah kepada Menteri Besar itu dasar kami hendak melekaskan, jangan nanti Exco mesyuarat, hendak investigate lagi, bukan main lama masanya. Dengan sebab itu kalaulah berkehendakkan kemajuan maka terpaksalah pakar-pakar asing ini disediakan masuk ke dalam negeri ini. Tanah-tanah mesti disediakan selain daripada infrastruktur semua telah ada di dalamnya baru kita boleh masuk, tetapi tanah itu mestilah disediakan supaya dapat orang asing menanam modal dalam negeri kita ini.

Berkenaan dengan tenaga, di mana pun jikalau kita hendak membuat perusahaan, tenaga mesti ada. Baru-baru ini di Sungai Way daripada pukul 7.00 entah sampai pukul berapa tidak ada tenaga. Faktori-faktori tidak dapat berjalan. Siapa hendak membayar gaji buruh, adakah NEB hendak membayar gaji buruh? Beginilah selalunya terjadi, hendak dikatakan kabelnya tidak elok; kabelnya boleh dibeli, dikatakan pejabatnya tidak betul; pejabatnya bukan main cantik, dikatakan Power Stationnya tidak betul, Power Station dan mesin-mesin semua daripada Jerman dan daripada tempat yang bagus-bagus. Apa sebabnya tidak tentu arah, lampu tidak ada, tenaga tidak ada. Jikalau faktori gelas dan furnacanya misalnya habis beku begitu sahaja, jahanam—bukan beratus ribu

tetapi bermillion jahanam. Ini terpaksa NEB memikirkan bukan sahaja pada hari ini ratanya cukup tinggi atas dunia ini, tetapi kerjanya tidak betul. Ini mestilah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos melihatkan supaya perjalanan ini mesti betul supaya orang asing dapat menanam modal dan dapat juga mereka ini melihat supaya tenaga ini tidak selalu terganggu dan jikalau tenaga ini selalu begitu Kerajaan bertanggungjawablah membayar rugi kepada kilang-kilang ini. Kalau tidak buat begitu, kilang-kilang ini akan cabut lari dan tutup sahaja kilang-kilang itu.

Selain daripada itu, berkenaan dengan pelajaran, sungguhpun ada sekolah-sekolah tetapi kita kurang sekolah-sekolah teknik. Sekolah teknik mesti ada kerana negeri yang hendak maju sekolah teknik mesti dibanyakkan, sebab pada hari ini kita kekurangan, terutama sekali bumiputra hendak membuat batu batapun dia tidak tahu, tak usah hendak membuat kapal terbang, hendak membuat batu batapun tidak tahu, hendak membuat jarum, siapa tahu buat jarum, bumiputra tidak tahu buat jarum lagi. Ini bukan olok-olok, teknik membuat jarum tidak tahu lagi.

Sekolah teknik mesti diadakan di tiap-tiap state, iaitu sekurang-kurangnya satu, dua tidak cukup yang ada sekarang, ia mesti dibanyakkan. Menteri Pelajaran mesti melihatkan supaya betul-betul banyak kalau betul-betul negeri kita hendak maju. Kalau tidak dapat didirikan kita terpaksa menghantar anak-anak kita bersekolah teknik ke luar negeri baikpun di Amerika, baikpun di England, baikpun France, baikpun di Jepun atau negeri-negeri lain terpaksa dihantar beramai-ramai dan apabila mereka balik mereka boleh bekerja di kilang-kilang dan membuat apa-apa yang telah dipelajarinya.

Begitu juga semasa saya di Negeri Jepun dahulu orang-orang Jepun begitu juga dihantar budak-budak mereka beramai-ramai ke luar negeri kemudian apabila balik mereka ini sudah berjaya. Begitu juga kita mesti mencapai kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan inflasi ini Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan menekankan mengenai inflasi. Betul kita mahu inflasi yang dibawa ke dalam negeri kita tahu, ini tidak boleh dielakkan.

Apa Yang Berhormat Mulia mengatakan seperti negeri-negeri yang maju kita tahu caranya pada hari ini oleh kerana iktisad mereka tidak tentu arah dan mesin-mesin yang kita beli daripada negeri asing iaitu negeri-negeri yang maju tentulah harganya melambung tinggi dan kita tidak dapat berbuat apa-apa. Tetapi inflasi dalam negeri selain daripada inflasi mesin-mesin ini, makanan yang dibawa dari luar negeri dan sebagainya, inflasi dalam negeri ini yang penting sekali yang terpaksa kita bendung. Inflasi di dalam negeri ini yang saya katakan tadi yang saya tanyakan di dalam soalan berkenaan dengan bahan-bahan pembinaan kita. Kalau bahan-bahan pembinaan (raw material) itu datangnya daripada luar negeri itu kalau kita naikkan harga tidak jadi masalah.

Simen daripada limestone. Berapa banyak limestone dalam negeri kita ini di atas bukit di dalam tanah ini berapa banyak limestone? Tetapi saya hairan selain daripada tenaga yang dikatakan sudah dinaikkan tetapi apa sebabnya harga simen melambung tinggi; baru-baru telah dinaikkan dari \$5.60 ke \$8.00 tetapi tidak lama lagi dinaikkan lagi. Ini kita mengatakan swasta-swasta jangan meninggikan harga perumahan tetapi kita tidak dapat mengontrol harga simen ini. Apabila didesak oleh orang-orang ini kita naikkan juga harga simen ini jadi bila masanya, tidak tetap betul-betul kita tahu mereka ini mempunyai keuntungan bermillion-million, kalau dia tidak untung seperti yang diunjukan dalam kira-kira tahunannya itu bolehlah, ini kalau dia untung 5%, 7%, 8% sudah baik keuntungannya, sebab apa dia menjual begitu banyak sekali. Tetapi kita terus-menerus memberi mereka kenaikan-kenaikan bahan-bahan ini. Saya mintalah kepada Kerajaan mengontrol supaya jangan dinaikkan perkara ini dengan sewenang-wenangnya oleh kilang-kilang ini. Sungguhpun diperkatakan ada cadangan kerana mereka tahu iaitu jika berjumpa Menteri ditunjukkan begitu-begini lekas dinaikkan.

Selain daripada itu, saya tahu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku tadi berkenaan dengan bank, iaitu "bank squeeze". Semua orang bercakap fasal bank squeeze, susah, apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Mulia betullah oleh kerana sekarang bank sudah terlampau banyak memberi pinjaman dan dengan sebab

itu dia tiada berduit lagi. Dengan sebab itu, kita minta oleh kerana hendak membangun dengan lebih pesat lagi dalam Rancangan Malaysia Keempat ini, kalau tiada pinjaman bank payah untuk membangun. Baikpun swastanya pada hari ini ada mempunyai tanah tetapi kalau tiada pinjaman bank dan bridging financenya tiada maka dia susah untuk membuat perumahan.

Berkenaan dengan perumahan ini juga perlu tanah, dasar tanah ini lain negeri lain dasarnya. Tidak boleh dibuat satu dasar untuk perumahan ini. Di Selangor cuma 10 ekar sahaja yang boleh ditukar syarat membuat perumahan. Kalau 10 ekar ini selain daripada Kerajaan, Kalau Kerajaan boleh membuat perumahan banyak-banyak itu tiada hallah, kalau Kerajaan Selangor boleh membuat rumah banyak-banyak diberi kepada rakyat, cukup duitnya itu tiada menjadi hal. Kalau tidak boleh maka terpaksa lah swasta untuk membuat perumahan-perumahan ini dan tidaklah boleh disekat cuma 10 ekar sahaja, sebab kehendak orang ramai, kalau disekat-sekat cuma 10 ekar sahaja nanti melambunglah harga rumah ini sebab supplynya kurang. Macam manapun kehendak Kerajaan tidak boleh dijalankan. Dengan sebab

itu sekiranya Kerajaan Negeri boleh membuat satu dasar iaitu lebih 10 ekar tidak boleh tidak apa, tetapi ini 10 ekar bagaimana hendak berkisar, ke mana pun tidak boleh. Dalam 10 ekar itu hendak buat jalan di situ juga, hendak buat surau di situ juga, hendak buat sekolah di situ juga hendak buat longkang di situ juga, tinggal 4, 5 ekar sahaja. 4, 5 ekar ini untuk membuat apa, hendak memberi perumahan kepada siapa? Ini dia yang susah nya kepada pemaju-pemaju perumahan pada hari ini.

Saya minta kepada Kerajaan yang bertanggungjawab untuk meliha kan supaya janganlah bercakap lain dibuat lain dan kita terpaksa melihatkan supaya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke empat ini perumahan-perumahan lebih banyak dibina baikpun pihak Kerajaan ataupun pihak-pihak swasta. Selain daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 16-12-1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.